



قلبتا بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 38

RABU 23 SEPTEMBER, 1987.

1408 رابو 29 محرم

PERCUMA

KAUM WANITA PERLU YAKIN PADA DIRI SENDIRI

DYMM
berangkat ke priu terminal baru

BERAKAS. — Kaum wanita di negara ini dikehendaki mempunyai keyakinan pada diri sendiri dan menunjukkan keperibadian bangsa bilamana kita terdedah kepada masyarakat antarabangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bertitah di samping itu wanita kita patut menunjukkan kehalusan budi bahasa orang-orang Brunei, dan perlu memahami semua aspek etika di dalam sesuatu majlis.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bertitah demikian ketika merasmikan Seminar 'Grooming' anjuran Badan Kebajikan Isteri-isteri Pegawai Kerajaan Brunei (BISTARI) yang berlangsung di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolkiah di sini pada 16 September, lepas.

"Keadaan negara kita yang telah berubah, dalam mana kita adalah terdedah kepada masyarakat antarabangsa, mengkehendaki kaum wanita sentiasa yakin pada diri sendiri dan menunjukkan keperibadian bangsa. Dalam hal ini di samping kita menunjukkan kehalusan budi bahasa orang-orang Brunei, kaum wanita juga perlu memahami semua aspek etika di dalam sesuatu majlis," titah baginda.

Titah baginda, kejelitaan kaum wanita bukanlah semata-mata terletak kepada wajah yang cantik saja, tetapi meliputi di semua aspek, sama ada dari segi bahasa mahupun tingkah laku.

Kaum wanita di negara ini juga, titah baginda, perlu pandai memadankan dan menyesuaikan diri dengan keadaan dan suasana di mana mereka berada, iaitu sama ada dari segi pakaian yang dipakai atau alat solek yang digunakan.

Dari itu titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya, adalah kena pada tempatnya bagi Seminar 'Grooming' atau 'Gaya Diri' diperkenalkan kepada kaum wanita di Brunei Darussalam.

Baginda juga berharap agar setiap pengetahuan yang didapati di seminar tersebut akan dapat diperkembangkan oleh kaum wanita di negara ini khususnya BISTARI, dengan mengadakan bersama adat resam kita.

Berangkat sama menghadiri majlis perasmian Seminar 'Grooming' pada hari tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Manja, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Lihat muka 24

PETIKAN TITAH

“Negara Brunei Darussalam memerlukan orang-orang yang cerdik pandai dan terpelajar di samping memerlukan rakyat yang setia dan amanah yang boleh menyumbangkan tenaga yang berguna, yang boleh membimbing dan memberikan teladan yang sempurna kepada rakyat yang lain, bukan saja dalam bidang pekerjaan tetapi juga dalam pergaulan sehari-hari.”

“Dititahkan di majlis persantapan anjuran Persatuan Penuntut-Perintah Brunei di United Kingdom di Dewan Persantapan Lapau pada 25 Ogos 1981 iaitu hari keputeraan baginda yang ke-35 tahun.”



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memerhatikan cara-cara pemeriksaan keselamatan ke atas bagasi penumpang yang dilakukan oleh pegawai-pegawai keselamatan dengan menggunakan alat pengesan (X-Ray) yang moden. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli ke majlis priu bangunan terminal baru lapangan terbang antarabangsa yang menelan belanja lebih B\$60 juta di sini pada pagi Rabu minggu lepas.

Keberangkatan tiba baginda di majlis itu dijunjung dan dialu-alukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Perhubungan dan seterusnya diperkenalkan kepada ahli-ahli jawatan-kuasa tertinggi majlis.

Setelah itu baginda dijunjung beredar ke pertunjukan audio visual yang memaparkan perkembangan penerbangan awam di negara ini dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di terminal baru dan kompleks lapangan terbang antarabangsa keseluruhannya.

Baginda kemudian berangkat menyaksikan pameran gambar-gambar

Lagi gambar-gambar disiarkan di muka 12 dan 13

Lihat muka 4

SUKAN SEA KE-14

Negara kutip 1 emas 6 perak 17 gangsa

JAKARTA. — Negara kita telah mencapai prestasi yang membanggakan di Kejohanan Sukan SEA ke-14 yang berakhir pada hari Ahad lepas di Kota Jakarta, Indonesia.

Buat pertama kalinya dalam sejarah, salah seorang atlet negara kita telah berjaya merangkul pingat emas di kejohanan itu.

Selain daripada itu kita juga berjaya merangkul enam pingat perak dan 17 pingat gangsa. Pingat-pingat yang kita menangi adalah menerusi acara-acara olahraga pencak silat, lumba perahu, tinju dan karate.

Pencapaian kita membolot 24 pingat pada

keseluruhannya boleh kita sifatkan sebagai pencapaian yang terbaik sejak negara kita menyertai Sukan SEA 10 tahun yang lalu.

Pingat emas dikutip melalui acara olahraga pencak silat, di samping tiga pingat perak dan empat pingat gangsa. Acara karate memberikan kita dua perak dan empat pingat gangsa, lumba perahu satu perak dan tiga gangsa serta tinju memberi sumbangan enam pingat gangsa.

Berita lanjut dan gambar-gambar di sekitar Sukan SEA ke-14 di Jakarta disiarkan di muka 22 dan 23.

MANISNYA IMAN

“BARANGSIAPA yang tetap melakukan istighfar maka Allah akan membebaskannya dari segala kesusahan dan melapangkannya dari setiap kesempitan serta akan memberinya rezeki dari jalan yang tidak diduganya.” — Hadis Nabi riwayat Abu Daud, Nasai, Ibnu Majah dan Hakim dari Abdullah bin Abbas Radhiallahuan.



23 SEPTEMBER, 1987

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

PERANAN LAPANGAN TERBANG DALAM ERA PEMBANGUNAN NEGARA

KETIKA merasmikan pembukaan lapangan terbang antarabangsa di Berakas pada 18 Julai 1974, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah melahirkan harapan semoga lapangan terbang tersebut akan dapat mengorak langkah memainkan peranan penting dalam bidang perhubungan udara antara negara ini dengan negara-negara yang baik sesuai dengan tujuan-tujuan pembangunan negara.

Minggu lalu baginda berangkat bercemer duli ke lapangan terbang tersebut untuk melihat perkembangan-perkembangan terbaharu di terminal lapangan terbang itu yang telah menjalani kerja-kerja pengubahsuaian yang menelan belanja lebih 50 juta ringgit. Keberangkatan baginda itu melambangkan betapa pesatnya perkembangan bidang penerbangan awam di negara ini dalam masa 13 tahun kebelakangan ini.

Sepanjang tahun lalu seramai 178,259 orang telah masuk ke negara ini melalui lapangan terbang tersebut. Jumlah ini adalah 143 peratus lebih ramai dari jumlah yang dicatatkan dalam tahun 1974.

Dalam masa dua dekad ini bukan sahaja jumlah penumpang semakin bertambah tetapi juga jumlah muatan yang melalui lapangan terbang itu. Ini telah menarik lebih banyak lagi syarikat-syarikat penerbangan untuk membuat penerbangan berjadual ke negara ini. Hasil dari perkembangan sedemikian kehendak-kehendak penerbangan awam juga semakin mendesak dan ini menyebabkan kerajaan membina lapangan terbang antarabangsa di Berakas.

Sudah setentunya perkembangan ini tidak akan berhenti setakat itu sahaja. Ini ketara sekali dengan langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menubuhkan Penerbangan Diraja Brunei dan menandatangani perjanjian udara dengan negara-negara yang bersahabat dengan negara kita. Negara Brunei Darussalam juga telah menjadi negara ke-154 yang mengikat perjanjian dalam Perundingan Penerbangan Awam Antarabangsa (CICA).

Kerja-kerja pengubahsuaian yang menelan belanja berjuta ringgit ini adalah semata-mata untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan dan menambahkan keselesaan pelawat-pelawat serta rakyat dan penduduk negara ini yang menggunakan lapangan terbang tersebut. Projek ini juga adalah selaras dengan konsep pembangunan negara pada masa ini.

Kita berharap kemudahan-kemudahan moden di lapangan terbang antarabangsa itu akan dapat memberikan manfaat yang sebaik-baiknya kepada negara ini dan sekaligus memberikan sumbangan terhadap perkembangan dan kemajuan negara di samping menjadi saluran keluar masuk yang selamat kepada semua. Sebagai salah satu tempat yang mula-mula menjadi perhatian orang masuk ke negara ini, maka imej lapangan terbang itu perlulah dijaga sepanjang masa.

Setem sempena Jubli Perak DBP

JABATAN Perkhidmatan Pos akan mengadakan jualan setem kenang-kenangan sempena Jubli Perak Dewan Bahasa dan Pustaka pada 29 September ini.

Setem-setem tersebut masing-masing berharga 10 sen, 50 sen dan \$2.00 (serangkai). Sementara keluaran sampul surat hari pertama telah dijual dengan harga 45 sen sekeping.

TERLEBIH dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengawal Pasukan Bomba dan kepada Pegawai Pemerintah Pusat Latihan Bomba di atas penghormatan yang diberikan kepada saya sebagai tetamu kehormat pada pagi ini di upacara Tamat Latihan Skwad Pertama Rekrut Bomba Wanita.

Awang-Awang dan Dayang-Dayang.

Pada hari ini satu sejarah telah ditempah oleh Pasukan Bomba Negara Brunei Darussalam dalam mana pasukan ini akan mempunyai ahli-ahli bomba yang terdiri daripada kaum wanita. Pencapaian ini juga menandakan sebagai satu kemajuan dan perkembangan di bidang kebomwaan di Negara Brunei Darussalam. Ianya adalah satu perkara yang sangat dibanggakan dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Pasukan Bomba Negara Brunei Darussalam dan juga kepada rekrut-rekrut Bomba Wanita yang menamatkan latihan mereka pada hari ini.

Dengan adanya kaum wanita diterima menjadi ahli Pasukan Bomba, adalah membuka satu lagi bidang kerjaya untuk kaum wanita di negara ini, dan membuktikan pengakuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kebolehan kaum wanita untuk memberikan khidmat kepada negara. Ini juga merupakan pengiktirafan terhadap peranan wanita sebagai tidak kurang pentingnya dari peranan kaum lelaki dalam usaha Kerajaan Baginda untuk memajukan negara kita, Brunei Darussalam.

Tugas Dayang-Dayang sebagai ahli Bomba adalah satu tanggungjawab yang berat dan mencabar. Oleh yang demikian, saya berharap



UCAPAN penuh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap merasmikan di upacara tamat latihan bagi Pasukan Bomba Wanita yang berlangsung di Pusat Latihan Pasukan Bomba pada 5 September, 1987.

Penubuhan Pasukan Bomba Wanita

MEMBUKA SATU LAGI KERJAYA UNTUK KAUM WANITA

Dayang-Dayang akan memperlakukan tanggungjawab Dayang-Dayang itu dengan penuh dedikasi dan bersungguh-sungguh. Adalah

penting bagi Dayang-Dayang untuk mematuhi disiplin-disiplin Pasukan Bomba dan patuh kepada perintah yang diberikan oleh pihak atasan Dayang-Dayang. Di samping itu Dayang-Dayang hendaklah juga memahirkan diri dengan latihan-latihan yang telah pun diberikan dan sentiasa berusaha untuk meningkatkannya.

berkemampuan di dalam melakukan tugas-tugasnya.

Akhirnya, saya ingin sekali lagi memberikan tahniah kepada Dayang-Dayang yang telah pun sempurna menamatkan latihan sebagai ahli Bomba pada hari ini dan mengucapkan selamat bertugas dan berjaya dalam bidang kerjaya Dayang-Dayang.

DENGAN adanya kaum wanita diterima menjadi ahli Pasukan Bomba adalah membuka satu lagi bidang kerjaya untuk kaum wanita di negara ini dan membuktikan pengakuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kebolehan kaum wanita untuk memberikan khidmat kepada negara.



PASUKAN Bomba Wanita yang menamatkan latihan minggu lalu telah menunjukkan kebolehan mereka selepas upacara perbarisan pada hari itu seperti kelihatan gambar atas. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan kepada Dayang-Dayang dan juga kepada ahli-ahli Bomba yang lain pada amnya, iaitu memandangkan peranan Pasukan Bomba kepada masyarakat di negara ini adalah sangat penting sekali di dalam menjaga keselamatan harta benda awam daripada dimusnahkan oleh api, serta memberikan pertolongan-pertolongan dalam waktu-waktu kecemasan, yakni kerja-kerja menyelamatkan atau rescue work, adalah penting bagi Awang-Awang dan Dayang-Dayang menjaga imej dan nama baik Pasukan Bomba Negara Brunei Darussalam, dengan menjalankan tugas masing-masing dengan amanah, jujur, cekap dan penuh perasaan tanggungjawab. Dengan yang demikian, maka akan menjadikan Pasukan Bomba Negara Brunei Darussalam sebagai pasukan yang dipercayai oleh pihak awam, dan

Hadiri Persidangan Agung PBB di New York

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam telah berangkat ke New York, pada 21 September lalu, bagi menghadiri Persidangan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu sesi ke-42.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia diiringi oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah.

Juga turut mengiringi ialah beberapa orang pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam.

Turut berada di Lapangan Terbang bagi mengucapkan selamat belayar ialah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda

Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Jefriah dan ahli-ahli kerabat Diraja yang lain.

Juga turut mengucapkan selamat belayar ialah Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri serta pegawai-pegawai di kementerian itu.

Sewaktu di New York, Duli Yang Teramat Mulia juga akan berkesempatan menghadiri mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN pada 28 September dan mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan Menteri-Menteri Luar dari beberapa buah negara untuk membincangkan isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah bersama ahli-ahli kerabat Diraja yang lain semasa doa selamat dibacakan sejurus sebelum keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke New York. — Gambar oleh Harun Rashid.

Perkhemahan pandu puteri

GADONG. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna selaku Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri telah berangkat melawat ke perkhemahan Pandu Puteri di sini pada 18 September, lepas.

Di perkhemahan itu, Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan beberapa persembahan berupa nyanyian dan tarian oleh Ahli-Ahli Persatuan Pandu Puteri yang mengikuti perkhemahan selama tiga hari itu.

Yang Teramat Mulia tidak ketinggalan dijunjung untuk melawat ke beberapa buah khemah yang didirikan oleh ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri yang terdiri dari Kem A hingga Kem E.

Menurut Kem Komandan, Pengiran Haklimah binti Pengiran Haji Mokhtar Putih berkata, perkhemahan itu adalah salah satu aktiviti aktiviti Persatuan Pandu Puteri bagi tahun ini. Perkhemahan besar-besaran seperti ini pernah diadakan pada tahun 1984. Sambutan terhadap perkhemahan itu katanya sangatlah menggalakkan sehingga Ahli Jawatankuasa Perkhemahan Negara 1987 terpaksa mengadakan bilangan pesertanya.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masnah dijunjung melawat ke khemah-khemah ahli Persatuan Pandu Puteri. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

KEKALKAN PRINSIP AJARAN AL-QURAN

Dk. Fatimah PHMN

Perimbangan dan kesederhanaan itu, tidaklah bermaksud kita mengabaikan hukum-hukum agama, akan tetapi hendaklah kita mengelakkan pemikiran tindakan keagamaan yang dikatakan sebagai pelampau atau ekstremist, seperti yang berlaku di sebahagian negara Islam pada masa ini.

Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Haji Abdul Saman bin Kahar mengingatkan ketika merasmikan pertandingan Membaca Al-Quran dan Hafaz Ayat-Ayat Lazim saudara-saudara baru peringkat negara pada 20 September lalu di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di sini.

Ingatan mengenai pemikiran dan tindakan yang extreme di sebahagian negara

itu, jelas beliau telah menimbulkan kesan-kesan yang negatif seperti memecah-belahkan masyarakat dan melemahkan kehidupan kaum Muslimin.

Katanya, "Kesan-kesan negatif dari pemikiran dan tindakan extreme itu jika kita biarkan mempengaruhi gerakan dakwah di Negara Brunei Darussalam, lambat-laun keadaan itu boleh menimbulkan jurang yang akan memecah-belahkan masyarakat dan akan menjejaskan kehidupan yang saling bersefahaman, muafakat aman dan tenteram.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama itu juga menyeru Umat Islam di negara ini supaya mengawasi dakwah yang boleh melemahkan penglibatan orang ramai

dalam proses perkembangan dan pembangunan kerana kemajuan itu sendiri adalah salah satu inti ajaran agama Islam.

Oleh itu, tambah beliau ianya tidak patut terhalang hanya kerana fahaman bahawa kononnya perkara seperti itu adalah perkara dunia dan bukan perkara agama, sedangkan kehidupan beribadah tidak sepatutnya melemahkan kehidupan bermasyarakat dan bernegara dan usaha-usaha kemajuan tidak sepatutnya melemahkan asas keagamaan begitulah juga pembahagian masa untuk bertarikat tidak semestinya menghabiskan masa untuk hal-hal kemasyarakatan dan begitulah pula sebaliknya.

Dato Paduka Haji Abdul Saman sekali lagi mengingatkan umat Islam di negara ini supaya berhati-hati dengan gerakan dakwah yang boleh menimbulkan rasa benci dan perpecahan di kalangan sesama Islam kerana keadaan itu boleh melemahkan asas-asas kehidupan kaum Muslimin dan menjejaskan cahaya agama Allah.

Sejajar dengan itu, beliau mencadangkan langkah yang baik dalam gerakan dakwah ialah menumpukan usaha-usaha bagaimana aliran pendidikan sama-sama melihat realiti kehidupan dan mencari jalan bagaimana menguasai dan menghadapi realiti kehidupan itu supaya ianya sejajar dan selari dengan kehendak agama dan tuntutan perkembangan zaman.

Dari itu, beliau menyeru golongan muslim yang berbeza pendidikan supaya mendekatkan pemikiran dan kebolehan serta ilmu pengetahuan mereka ke arah kepakaran mereka itu dengan tuntutan agama Islam.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Limau Manis	23.9.1987	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Pengkal Batu	23.9.1987	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Masin	23.9.1987	Rabu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Kupang	23.9.1987	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Pantai Berakas	24.9.1987	Khamis	9.00-10.00 pagi
Letak Kereta di Kawasan NAAFI Berakas			
Garison	24.9.1987	Khamis	10.05-11.05 "
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	24.9.1987	Khamis	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Jerudong	26.9.1987	Sabtu	8.30- 9.30 "
Pusat Tahanan Jerudong	26.9.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Sengkurong	26.9.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Ugama Sengkurong (Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam Kampong Mulaut)	26.9.1987	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah OKSB Kilanas	26.9.1987	Sabtu	3.15- 4.15 "
Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu	27.9.1987	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kampong Perpindahan Serasa	27.9.1987	Ahad	10.15-11.15 "
Di Hadapan Kedai Muara	27.9.1987	Ahad	11.30-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Lumapas	28.9.1987	Isnin	9.30-10.30 pagi
Sekolah Rendah Junjung	28.9.1987	Isnin	9.00-10.00 "
Sekolah Rendah Panchor Murai	28.9.1987	Isnin	10.15-11.15 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Rendah)	28.9.1987	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas	28.9.1987	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Rendah OKBI Subok	29.9.1987	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak Bolkiah Garrison	29.9.1987	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Rendah Serasa	29.9.1987	Selasa	10.00-11.00 "
Sekolah Rendah Mentiri	30.9.1987	Rabu	9.45-10.15 pagi
Sekolah Rendah Sultan Abd Bubin Sg Besar	30.9.1987	Rabu	10.30-11.00 "
Sekolah Rendah Pulaie	30.9.1987	Rabu	11.15-11.45 "
		Rabu	9.30-10.30 "



DATO Paduka Haji Abd. Saman bin Kahar, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, menyampaikan hadiah kepada Awang Haji Rosli bin Abdullah wakil dari Daerah Temburong. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-399

SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI

Jihad dan fikiran bebas

MENURUT kitab Difa'aun 'anil hadiithin nabawiyi watafniidu syubuhaati khusuumihi, wamusykilaatil ahaadith, yang disiarkan oleh Al-Ustaz Zakaria Ali Yusof di Maktabatul Mutanabbi, 'Abidin Al-Qahirah, cetakan tahun 1972: Berkata Ash-Shaikh Muhammad Khalil Al-Hiraas: Semenjak permulaan kurun 20 ini atau sebelumnya telah timbul suatu kumpulan yang menyeru dan mengajak kepada fikiran bebas dan kumpulan itu telah menjalankan gerakan Harakatul Islaahid Diini (membaiki agama kononnya!!!) dan bekerja kerana menghidupkan fahaman-fahaman agama yang tulen kepada fikiran umat Islam. Tetapi mereka sambil bekerja begitu, maka mereka ingkarkan banyak perkara yang ghaib yang telah datang nas-nas yang tegas pada perkara-perkara itu, lagi nas-nas itu mutawattir, yang datang daripada Quran dan hadis, yang mana perkara-perkara itu menjadi perkara Qat'ei (jazzm) dan ma'lum seterang-terangnya di dalam agama (Ma'lumun minaddiini bidhdharurah). Tiadalah ada pegangan mereka pada ingkarkan perkara-perkara itu melainkan ialah kerana calus fikiran dan bermegah-megah dengan akal dan dengan mereka telah terpengaruh berleluasa dengan falsafah Mu'tazilah yang berdasarkan akal itu dijadikan hakim bagi

memahamkan Quran dan hadis dan fitnah mereka telah rata sehingga terpengaruh setengah-setengah orang yang bodoh-bodoh yang dihiaskan oleh kata-kata mereka yang manis dan lunak itu dan terpedaya mereka dengan sebab gelaran-gelaran dan nama-nama mereka.

Katanya: "Saya berpendapat wajiblah bagi saya menerangkan perkara ini supaya saya lepas dari dosa menyembunyikan hukum-hukum Allah dan saya betulkan perkara ini dan saya letakkan dia pada tempatnya semula. Saya berkata kepada orang-orang yang liar itu, dari lunas yang benar, bahawa perkara-perkara yang mereka hebohkan itu adalah perkara yang sabit dengan cara Qat'ei dan Jazzm dengan dalil-dalil tiadalah boleh dipertikaikan dan tiada dapat dibuat bertengkar dan disuarakan dengan bongkak dan takabur. Bahawa barangsiapa hendak menolak perkara-perkara itu atau mencacatkannya maka dia menyabunkan agamanya, serta pula ia membuka jalan bagi mencacat dan mencaci perkara-perkara yang lebih kurang sebutan dari perkara-perkara dan masalah-masalah agama itu dengan perbuatan itu, jadi kita berhadapan dengan ombak bantahan teguran yang tiada berkesudahan. Dan jadi perkara-perkara akidah semuanya terdedah jadi permainan hawa nafsu dan tempat perbalahan. Kemudian

Ash-Shaikh Al-Hiraas itu menolak kesilapan orang-orang yang khilaf fahaman mereka dalam perkara turun Nabi Isa Alahis Salam sebagai-mana kita akan sebutkan seperti Al-Allamah Mahmud Shaltut dan pengikut-pengikutnya.

Apabila kita lihat dalam Al-Fataawa karangan Al-Allamah Mahmud Shaltut cetakan kedua muka 65, maka kita dapati ibarat yang ditulis oleh Qadiyani itu bagi menyokong fahaman Qadiyani itu, dan fatwa Al-Allamah Shaltut itu telah menjadi perbualan hebat di Mesir di antaranya pada masa itu dengan Ash-Shaikh Hamid Al-Faqiyyi, dan dengan Al-Muhaddithu Ash-Shaikh Abdullah As-Siddiq Al-Ghumari dalam 'Aqiadatul Ahlil Islam fii nuzuuli 'Isa Alahis Salam dan 'Iqaamatul burhaani 'alaa nuzuuli 'Isa fii akhiriz zaman, dan dengan Al-Muhaddithu Al-Allamah Ash-Shaikh Muhammad Zahid Al-Kauthari dalam Nadzaratun 'aabiratun fii maza'imi man yunkuru nuzuula 'Isa Alahis Salam. Kemudian banyak tersiar karangan dalam perkara turun Nabi Isa itu di Tanah Arab dan lain-lain bagi menolak kesamaran yang datang daripada mereka seperti Al-Allamah Shaltut itu dan pengikutnya. Kemudian Al-Allamah Shaltut menyiarkan fatwanya dalam perkara Nabi Isa seperti ibarat di atas dan dalam kitabnya Al-Islaamu aqiadatun wasyariah.

Menurut Anwaarul Quran: Sesungguhnya telah keluar di Mesir dalam masa 50 tahun yang akhir ini kira-kira 15 orang mulhid. Lihat perkataannya yang panjang dalam warta Jabatan Agama Johor bilangan 80 muka 1040 Muharam tahun 1376 Hijrah. Erti mulhid itu ialah orang yang kepercayaan cenderung dari yang benar dan betul kerana ia menyalahi ijmak yang yakin atau Maa huwa ma'lumun minaddiini bidhdharurah atau hadis mutawattir. Perkataan Ash-Shaikh Al-Hiraas itu menyokong kajian Al-Allamah Al-Haddad itu.

Dalam kitab Fiqhus siirah yang ditulis oleh Ad-Doktor Muhammad Sa'ed Ramadhan Al-Buti cetakan kelima tahun 1392 Hijrah di Beirut. Katanya: Suatu kumpulan daripada penulis-penulis dan orientalis dan orang-orang yang berfahaman barat telah mensajikan fikiran-fikiran yang nampak benar padahal ia salah dan mengelirukan serta dikendalikan oleh sekolah yang tertentu. Sekolah itu telah ditubuhkan pada kesudahan kurun yang kesembilan belas sehingga sekarang. Setengah dari sebab timbul sekolah dan puak itu ialah kerana terperanjatnya kebanyakan orang Arab yang Islam akan kebangkitan ilmu pengetahuan Eropah dan fikiran yang terperanjat itu pergi dan menyangka bahawa hendaklah orang-orang Islam itu bangkit sebagaimana bangkitnya Eropah dan

Siri kesembilan

mereka menyangka hendaklah difahamkan Islam itu di negeri-negeri kita ini sebagaimana Eropah fahamkan agama Nasrani (Kristian yang telah dipindapinda) dan hendaklah ditetakkan perkara-perkara ghaib yang disebutkan oleh Islam itu di bawah teropong kejadian alam sains yang berdasarkan mata benda. Dari itu mereka tiadalah percayakan benda yang ghaib yang tiada dapat dicapai oleh sains dan tiadalah ada mukjizat kiranya tiada disokong oleh rekaan baharu atau penemuan baharu. Jikalau mereka berbuat begitu nescaya mereka bangkit maju sebagaimana bangkit dan majunya Eropah dalam ilmu pengetahuan dan dapat menyaingi mereka. Dari sebab yang di atas timbul pemimpin-pemimpin sekolah dengan fikiran yang tersebut dan menyangka mesti ada Al-Islaahud duni (dibaiki agama Islam) padahal agama yang benar (Islam) tiadalah ia rosak sehingga berhajat kepada pemimpin-pemimpin atau kepada islah itu. Kemudian dia menyebutkan Hus-sain Haikal pengarang kitab Hayat Muhammad yang faham bahawa sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang difahamkan oleh sains. Dari

itu tiada khawarik dan tiadalah ada mukjizat. Datang Ash-Shaikh Mustafa Al-Maraaghi Shaikhul Azhar memuji Hayat Muhammad. Kemudian datang Muhammad Farid Wajdi mahu memahamkan Islam dan tarikh atau sirah Rasulullah dengan sains. Doktor itu menegur juga fikiran-fikiran yang menyalahi akidah umat Islam dalam kitabnya itu. Dia menegur orang-orang yang salah gunakan masalah dalam hukum-hukum Islam, sebagaimana dalam kitabnya Dhawaabitul maslahati fish sharii'atil islaamiyyah dicetak di Damshik tahun 1387 Hijrah.

Menurut kitab As-Sunnatu wamaakanatuha fit tashri'el Islaami oleh Ad-Doktor Mustafa As-Sibaa'ei, dicetak di Mesir Al-Kaherah tahun 1380 Hijrah, dia telah menegur orientalis-orientalis dan Al-Ustaz Ahmad Amin dan Ad-Doktor Ali Hassan Abdul Kadir dalam perkara berhubung dengan hadis dan Riyaatul Hadis seperti perkara sahabat Abu Hurairah dan Al-Imam Az-Zuhri: Sayugia dibaca oleh Ahli Ilmu Islam akan kitab As-Sunnah yang tersebut di atas ini.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung).



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

DUA BUAH RUMAH PANGSA KERAJAAN DISERAHKAN

KUALA BELAIT. — Satu majlis penyerahan dua buah rumah pangsa kerajaan kelas E, empat tingkat yang baru siap pada bulan Julai lalu di Jalan Mumong telah diadakan pada hari Sabtu 19 September lepas.

Majlis penyerahan rumah pangsa itu disampaikan oleh Pegawai Jurutera Bangunan Jabatan Kerja Raya, Awang Fun Phai Hien kepada Pegawai Pentadbir Pejabat Daerah Belait, Awang Hanafiah bin Zakaria. Ianya disaksikan oleh beberapa orang pegawai kanan kerajaan.

Bangunan tersebut dibina di bawah skim perumahan kerajaan dan ianya diuntukkan bagi pegawai-pegawai rendah kerajaan yang bergaji tetap antara \$1,200 sebulan ke atas tidak kira pegawai tetap kerajaan atau mereka yang berkerja secara penjaminan (contract).

Bangunan yang menelan belanja 2.8 juta ringgit itu mempunyai keluasan tapak 250,000 kaki persegi dan dikendalikan oleh sebuah syarikat pemborong tempatan yang mula dibina pada bulan

Oleh Dk. Saidah PO

Februari tahun lepas.

Sebuah blok rumah tersebut mempunyai 12 unit dan di bawahnya dilengkapi dengan 12 buah petak letak kereta. Kesemua unit di kedua-dua blok itu dilengkapi juga dengan perabot, dua buah bilik tidur, sebuah bilik tamu, bilik makan, dapur, bilik mandi dan dua buah serambi (verandah).



PEGAWAI Jurutera Bangunan, Jabatan Kerja Raya, Awang Fun Phai Hien ketika menyerahkan serangkaian kunci kepada Awang Hanafiah bin Zakaria, Pegawai Pentadbir Pejabat Daerah Belait. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



DUA buah rumah pangsa kerajaan kelas E yang menelan belanja \$2.8 juta — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Sambungan dari muka I

yang memperlihatkan perkembangan Jabatan Penerbangan Awam dan sejarah awal lapangan terbang di negara ini. Juga diperlihatkan ialah perkembangan pembinaan terminal yang baru.

Selain itu, baginda juga diberi penjelasan mengenai organisasi dan tugas-tugas Pos Kawalan Imigresen Lapangan Terbang.

Di sepanjang keberangkatan baginda itu, baginda jelas menunjukkan minat yang mendalam terhadap pelbagai kemudahan yang terdapat di terminal itu terutama kemudahan-kemudahan kawalan keselamatan di mana baginda juga meninjau ke bahagian balai keberangkatan di tingkat pertama yang boleh menampung 1,000 orang penumpang dan mempunyai lima buah kedai bebas cukai termasuk sebuah kedai yang menjual hasil kesenian dan pertukangan tempatan.

Baginda juga meninjau bilik yang disediakan bagi orang-orang kenamaan, kaunter pos dan ke salah satu dari titisawat (Aerobridges) di terminal berkenaan.

Sebelum meneruskan lawatan baginda ke balai ketibaan di tingkat bawah, baginda berangkat ke Balai Diraja (Royal Pavilion) dan seterusnya menikmati jamuan ringan. Doa selamat di majlis itu telah dibacakan oleh Yang Dimulikan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Di sepanjang keberangkatan itu, baginda juga berpeluang memerhatikan perjalanan sistem kawalan Imigresen dan pengendalian barang-barang (bagasi) para penumpang dan pemeriksaan yang dilakukan oleh para pegawai pegawai Kastam dan Eksais Diraja.

Sebelum berangkat meninggalkan terminal lapangan terbang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima junjung ziarah dari para pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan.

MARILAH kita ber-
matkwa ke hadirat Allah
dengan mengerjakan segala
suruhan-Nya dan menjauhi
segala apa jua larangan-Nya.
Di antara perkara yang
mesti kita sering meng-
ingatinya, selain dari wajib
mengingati Allah, iaitu
supaya dengan adanya kita
sering mengingatkannya itu
ketakwaan kita kepada Allah
akan bertambah kuat dan
keimanan kita akan semakin
kokuh sehingga tidak mudah
digoncang oleh apa-apa jua
godaan dan sebarang hasutan
atau tipu daya iblis dan
syaitan. Adapun perkara itu
ialah mengingati dan meng-
gambarakan segala kejadian
yang sudah pasti akan kita
alami jika kita sudah berada
di alam hari akhirat nanti.
Iaitu alam di mana tidak
siapa yang dapat melarikan
diri daripadanya. Di mana
pada waktu itu nanti
merupakan suatu keadaan
yang amat menakutkan,
terutama apabila sudah
semua para makhluk Allah

Nasib kita di akhirat: BERGANTUNG KPD AMAL KEBAJIKAN

baik yang terdahulu
mahupun yang terkemudian
semuanya dikumpulkan di
padang Mahsyar. Bagi para
manusia di waktu itu keadaan
mereka akan berlainan di an-
tara satu sama lain. Di mana
perbezaan keadaan itu adalah
ditentukan oleh keadaan amal
mereka sendiri sewaktu
mereka hidup di dunia.

Bukan Dongengan

Supaya setiap manusia itu
tidak melupakan hari akhirat,
khususnya bagi pengikut-
pengikut Nabi Muhammad
Sallallahu Alaihi Wasallam,
maka nabi telah pun ada
menggambarkan dan
menerangkan keadaan

sekalian manusia apabila
mereka semuanya nanti akan
dikumpulkan di Padang
Mahsyar. Dan kita hendaklah
ingat bahawa apa-apa jua
yang dikhabarkan oleh Nabi
mengenai keadaan akhirat
itu. Maka ianya bukanlah
suatu cerita khayalan atau
suatu dongengan, akan tetapi
ini adalah merupakan suatu
peringatan kepada umat-
umatnya, supaya mereka
tidak menyesal di kemudian
hari nanti. Iaitu supaya
mereka menyiapkan diri
terlebih dahulu sebelum tiba
waktunya.

Adapun hadis Nabi yang
menggambarkan tentang kea-


daan manusia ketika mereka
dikumpulkan nanti di padang
Mahsyar itu ialah hadis yang
telah diriwayatkan oleh Abu
Daud dan Al-Baihaki
daripada sahabat Abi
Hurairah Radiallahu Anhu
yang kira-kira maksudnya:

"Pada hari kiamat nanti
semua manusia akan dikum-
pulkan di padang Mahsyar
dalam keadaan mereka tiga
macam keadaan iaitu ada
golongan di antara mereka
yang berjalan bebas, ada
segolongan lagi yang menaiki
kendaraan, manakala
segolongan lagi berjalan di
atas muka mereka. Rasulullah
Sallallahu Alaihi Wasallam
telah ditanya oleh para
sahabat bagaimanakah
orang-orang itu dapat ber-
jalan di atas muka mereka?
Jawab baginda, "Sesung-
guhnya Allah yang Maha
berkuasa menjalankan
mereka di atas kaki-kaki
mereka (sewaktu di dunia)
maka tentulah juga dia Maha
berkuasa menjalankan
mereka dengan menggunakan
muka-muka mereka."

Melihat kepada hadis tadi,
tentu sahaja orang yang ter-
masuk ke dalam golongan
yang pertama itu adalah
orang-orang baik, akan tetapi
orang yang paling baik ialah
golongan yang kedua, iaitu
yang dikatakan oleh Allah
Subhanahu Wataala sebagai
orang "Muttakin". Iaitu
orang-orang yang benar-
benar bertakwa kepada Allah
iaitu sebagaimana firman
Allah di dalam Al-Quran
surah Mariam ayat 85 yang
kira-kira tafsirnya:

"Hari Kami (Allah)
mengumpulkan orang mut-
takin (yang benar-benar ber-
takwa kepada Allah) di
Padang Mahsyar untuk
menemui Tuhannya yang ber-
sifat Rahman dalam keadaan
mereka itu menaiki
kendaraan."

Keadaan orang-orang mut-
takin itu sudah tentu dapat
kita bayangkan betapa riht
dan senangnya mereka di
akhirat nanti di mana mereka



tidak merasa penat dan lelah
untuk menemui Tuhan.

Berjalan Terbalik

Akan tetapi berbeza halnya
dengan golongan ketiga. Di
mana keadaan mereka adalah
sangat susah lagi sengsara,
kerana mereka berjalan
dalam keadaan terbalik dan
ganjil dari keadaan yang
biasa. Walaupun Allah
berkuasa menjalankan
mereka di dalam keadaan
yang ganjil itu.

Akan tetapi cubalah kita
bayangkan sendiri betapa
payah dan susahnyanya berjalan
dalam keadaan muka yang
menggerakkan tubuh badan
ke sana ke mari di dalam kea-
daan yang penuh sesak
dengan manusia-manusia dan
makhluk-makhluk Allah yang
lain. Maka golongan yang
seperti ini sudah pasti
merupakan golongan yang
buruk amalnya ketika
hidupnya di dunia ini, mereka
yang tidak tahu meng-
gunakan nikmat akal yang
sihat yang diberikan oleh
Allah Subhanahu Wataala
kepadanya sewaktu hidup di
dunia, supaya ianya
digunakan pada memikirkan
apa yang ditunjuk ajar oleh
golongan-golongan yang
mengajaknya ke arah berbuat
kebaikan dan kebaikan. Serta
untuk beriman dan bertakwa
kepada Allah. Sebaliknya
ianya bertindak ke arah yang
mendatangkan kemurkaan
Allah dengan berbuat
berbagai-bagai kemungkaran
dan maksiat serta kejahatan
seperti orang yang tidak
berakal. Lantaran itulah
apabila di akhirat nanti
golongan seperti ini akan
mendapat dahulu balasan
siksa dengan berjalan di atas
muka mereka sebagai lam-
bang kesesatan mereka dari
kebenaran. Sebagai lambang
mereka yang tidak tahu
menggunakan akal yang sihat
untuk mengikut jalan yang
benar dan betul. Selain dari
itu ada lagi satu golongan
yang mendapat penghinaan
di hari manusia-manusia
dikumpulkan di Padang
Mahsyar itu, iaitu dengan
menerima penghinaan yang
paling teruk disebabkan
kesombongan dan ke-
derhakaan mereka kepada
Allah sewaktu hidup di dunia
ini. Mereka sombong lagi
derhaka dan enggan
mengikut agama Allah dan

ajaran-ajaran-Nya jauh sekali
untuk patuh dan taat kepada
perintah-perintah Allah,
bahkan dengan sehingga
melanggar segala larangan-
larangan Allah tanpa sedikit
pun merasa takut kepada
Allah, seolah-olah segala
suruhan-suruhan Allah dan
larangan Allah itu suatu yang
tidak bermakna kepada
mereka, apatah lagi golongan
seperti mempunyai kuasa,
maka akan bertambah lagi
kesombongan dan kebangkakan
kepada Allah. Akan
tetapi di hari akhirat nanti
golongan seperti inilah yang
akan mendapat penghinaan
daripada Allah sebagai mana
sabda Nabi Sallallahu Alaihi
Wasallam, yang kira-kira ber-
maksud:

"Dikumpulkan di Padang
Mahsyar orang-orang yang
sombong dan derhaka pada
hari kiamat nanti di dalam
keadaan seperti benda yang
kecil yang dipijak-pijak oleh
manusia kerana mereka
menganggap remeh dan
mempermudah-mudahkan
Allah Azza Wajalla (baik
terhadap perintah-perintah-
Nya mahupun terhadap
tegahan-tegahan-Nya)."

Nasib

Demikian serba sedikit
gambaran-gambaran yang
akan berlaku di hari kiamat
nanti iaitu di hari kita akan
dikumpulkan di Padang
Mahsyar sebelumnya kita
dikira dan dihitungkan segala
amal perbuatan kita di
hadapan Allah Subhanahu
Wataala. Manakala setelah
dibuat perhitungan maka
akan berlainan lagi keadaan
dan nasib kita di hadapan
Allah Subhanahu Wataala, di
mana segala-segalanya itu
adalah bergantung kepada
amal kebajikan yang kita
lakukan di dunia ini.

Oleh itu hendaklah kita in-
gat akan firman Allah Taala
di dalam Al-Quran di dalam
surah Al-Qariah ayat 6 hingga
11 yang kira-kira tafsirnya:—
"Dan adapun orang yang
berat timbangannya
(kebaikannya), maka dia
berada di dalam kehidupan
yang memuaskan, dan
adapun orang yang ringan
timbangannya (kebaikannya)
maka tempat kembalinya
adalah neraka Hawiyah dan
tahuakah kamu apakah neraka
Hawiyah, iaitu api yang
sangat panas.

Amalkan membaca Basmallah ketika melakukan sesuatu

MELANGKAHKAN
maki, menghayunkan
tangan untuk bekerja atau
hendak membuat sesuatu
perkara, adalah satu
kelaziman yang sentiasa kita
lakukan. Melakukan sesuatu
pekerjaan itu, terkadang
boleh membawa akibat
kerugian dan sia-sia,
terkadang pula dapat mem-
bawa keuntungan dan kema-
nfaatan.

Siapa pun orangnya, dia
tidak akan menghendaki ter-
jadinya kerugian atau kesia-
siaan usaha dan kerjanya itu,
dan yang jelas bahawa dia
hanya mengharapkan kema-
nfaatan atau keberkatannya.

Di dalam fahaman agama
kita — Islam, ada beberapa
usaha atau kerja kita yang
berkat dan diberkati dan ada
pula yang sebaliknya.

Yang dimaksudkan
keberkatan usaha itu ialah :
Adanya manfaat serta ber-
tambah kebajikannya,
walaupun pada akhirnya
terkadang tidak kelihatan
manfaatnya, akan tetapi pada
hakikatnya adalah berman-
faat.

Adapun yang di sebaliknya
ialah usaha yang tidak berkat,

walaupun pada akhirnya ada
manfaatnya, namun pada
hakikatnya betul-betul tidak
berguna atau tidak mengun-
tungkan.

Dalam satu hadis,
Rasulullah Sallallahu Alaihi
Wasallam menjelaskan
mengapa usaha atau perkara
yang kita lakukan itu tidak
berkat atau tidak diberkati.
Sabda Baginda kira-kira ber-
maksud :

"Setiap usaha atau
perkara yang baik tidak
dimulai dengan mem-
baca Bismillahir
Rahmanir Rahim maka
usaha atau perkara itu
tidak akan berkat."

Jelaslah mengapa setiap
usaha atau pekerjaan itu tidak
diberkati atau tidak berman-
faat, iaitu kerana tidak
dimulai dengan membaca
Basmallah iaitu Bismillahir
Rahmanir Rahim. Di
sebaliknya pula, kalau
dimulai dengan membaca
Basmallah, sudah pasti akan
diberkati oleh Allah Taala.

Mem baca Basmallah di
awal sesuatu pekerjaan itu
tidaklah berat sangat,
mungkin ada orang yang
menganggap perkara mem-

Menuju keredaaan Allah

baca Basmallah di permulaan
usahanya itu sebagai perkara
yang remeh-temeh atau tidak
begitu mustahak, tetapi
sebagai seorang muslim yang
cintakan keberkatan usaha,
alangkah baiknya kalau kita
tetap mengamalkan membaca
Basmallah di setiap per-
mulaan usaha dan pekerjaan
kita, pada bila-bila masa
sahaja sama ada pekerjaan
besar ataupun kecil.

Seperti ketika mahu
melangkahhkan kaki, ketika
mahu makan, minum, ketika
mahu menghidupkan enjin
kereta, ketika mahu duduk
dan sebagainya.

Marilah kita membiasakan
membaca Basmallah di setiap
awal permulaan usaha atau
kerja kita, nescaya Allah
Taala akan memberkatinya.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 23 September hingga ke hari Selasa 29 September, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
September												
23	12.15	3.21	3.22	6.15	6.16	7.24	7.25	5.00	4.46	5.01	6.09	6.10
24	12.15	3.21	3.22	6.15	6.16	7.24	7.25	5.00	4.46	5.01	6.09	6.10
25	12.14	3.21	3.22	6.14	6.15	7.23	7.24	5.00	4.46	5.01	6.08	6.09
26	12.14	3.21	3.22	6.14	6.15	7.23	7.24	4.59	4.45	5.00	6.08	6.09
27	12.14	3.21	3.22	6.14	6.15	7.22	7.23	4.59	4.45	5.00	6.08	6.09
28	12.13	3.22	3.23	6.13	6.14	7.22	7.23	4.59	4.45	5.00	6.08	6.09
29	12.13	3.22	3.23	6.13	6.14	7.21	7.22	4.59	4.45	5.00	6.08	6.09

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.
Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

MENGHIDUPKAN SEMULA SENI PERTUKANGAN TANGAN KITA

KEMAHIRAN bertukang dan menghasilkan berbagai bentuk seni kerajinan yang indah oleh bangsa kita sebenarnya tidak dapat kita nafikan sejauh ini. Keindahan lurikan, kehalusan hasil pertukangan dan nilai seni yang diilhamkan merupakan antara adunan-adunan yang menampakkan ciri-ciri yang tersendiri bangsa kita 'orang-orang Brunei'. Sememangnya orang-orang kita sudah terkenal dalam penciptaan sedemikian ini sejak berabad-abad lagi. Sayangnya kepandaian tersebut tidak banyak generasi-generasi baru yang memiliki kemahiran itu. Ini mungkin berakibat dari jumlah yang 'pandai besi, pandai perak atau pandai tembaga' pada masa lampau itu sangat terbatas dan sedikit sekali. Lazimnya kepandaian bertukang seperti ini hanya dimiliki oleh sekelompok orang atau keluarga saja. Lantaran itu pemindahan ilmu atau kepandaian tersebut hanya diturunkan kepada anak cucu atau orang-orang terdekat yang berkeinginan untuk memiliki kemahiran berkenaan.

Lantaran kerana memikirkan ianya supaya tidak pupus ditinggal zaman dan tenggelam oleh arus kemajuan teknologi moden hari ini kehalusan seni pertukangan tangan warisan bangsa itu telah dihidupkan kembali. Usaha-usaha ini telah berjaya diwujudkan melalui penubuhan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan yang kini mempunyai sebuah bangunan indah yang bernilai lebih \$25 juta.

Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien semasa hayat baginda telah merasmikan bangunan pusat tersebut sempena Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam telah bersabda, "dengan pembukaan rasmi Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei menunjukkan lagi perkembangan semula seni dan pertukangan tangan negara ini yang telah diwarisi turun-temurun."

Menurut Almarhum lagi, "...Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara tua yang cukup indah dalam segalanya serta mempunyai adat istiadat yang rapus laila teratur dan dengan izin Allah Subhanahu Wataala kemasyhuran dan ketulenan itu akan kita majukan selama-lamanya."

Dengan demikian aspirasi kerajaan dalam mewujudkan pusat tersebut tambah Almarhum lagi ialah "... untuk memelihara dan meninggikan taraf kesenian dan pertukangan tangan sebagai satu

OLEH HAJI MOHD. SALIM

GAMBAR-GAMBAR OLEH PG. HJ. YAAKUB


warisan yang melambangkan identiti kebruneian negara ini."

Kita yakin dengan terbinanya bangunan pusat berkenaan, usaha kerajaan untuk menjadikan ianya sebagai satu tanda sejarah

atau 'land-mark' bagi mengekalkan kesenian dan hasil pertukangan tangan negara ini sebagai lambang warisan dan identiti kebruneian yang penuh keaslian akan dapat kita banggakan.



DUA orang penuntut perempuan yang berminat memasuki pusat latihan tersebut kelihatan menyiapkan sebahagian dari kerja-kerja tenunan mereka di bengkel tenunan.



KOMPLEKS bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei yang tersergam indah dibentuk dari senibina unsur-unsur tradisional Brunei dan senibina moden.

Bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan yang pembinaannya dimulakan pada awal tahun 1982, dibentuk hasil dari adunan-adunan senibina dan unsur-unsur pertukangan tradisional negara dengan

bentuk senibina moden. Atap bangunannya berbentuk asli perumahan masyarakat negara ini. Sementara di sekeliling bangunan terdapat kawasan lapang yang boleh digunakan untuk berbagai cara tertentu.

Dibina di atas sebuah tapak seluas tiga ekar di tebing Sungai Brunei berhadapan dengan Mukim Saba, Kampong Ayer, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan didirikan dengan bentuknya mempunyai lima bumbung. Bangunan utama tegak di bahagian hadapan dengan mengandungi sepuluh tingkat. Bahagian ini mengandungi bilik-bilik bengkel bagi latihan pertukangan perak, tenunan, pentadbiran, pemasaran, pameran dan bilik serbaguna.

Dengan bentuknya secara tradisional dan simbolik Melayu Brunei itu, bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei sentiasa menjadi kunjungan pembesar-pembesar luar negeri yang melakukan acara dan lawatan rasmi ke negara ini.

Di samping itu bangunan pusat tersebut juga digunakan sebagai tempat bagi beberapa acara rasmi negara seperti menjalankan mesyuarat atau persidangan bertaraf antarabangsa. Dari keindahan dan keunikan seni binanya bangunan tersebut, para pelancong yang berlibur ke negara ini juga tidak ketinggalan untuk mengunjunginya. Di pusat tersebut

Lihat muka 8



DENGAN disulami keindahan lurikan bunga-bunga ayer muleh, pucuk rabung dan rawai, hasil kerajinan tembaga ini kelihatan begitu menarik dan mempunyai nilai seni yang tinggi.



SEBAHAGIAN dari hasil seni pertukangan tangan perak yang diusahakan oleh penuntut-penuntut yang berkursus.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menerima kunjungan muhibah Tuan Yang Terutama Tuan Chaleo Vajrabukka, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Thailand. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Lawatan muhibah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Baginda Sultan di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menerima kunjungan muhibah Tuan Yang Terutama Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Thailand, Tuan Chaleo Vajrabukka, di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Bangunan Sekretariat di sini pada 17 September lepas.

Tuan Yang Terutama Tuan Chaleo Vajrabukka bersama rombongan telah membuat kunjungan muhibah selama tiga hari ke negara ini bermula pada 16 September lepas.

Sementara itu Timbalan Pengarah Agung, Jabatan Buruh Thailand telah membuat rundingan dengan Pesuruhjaya Buruh dan membuat lawatan ke Jabatan Penjara di Jerudong.

Semasa berada di sini, Tuan Yang Terutama Tuan Chaleo dan rombongan juga telah melawat ke beberapa tempat yang menarik, termasuklah melawat Kampung Ayer, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan dan Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

Tuan Yang Terutama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Thailand dan rombongan juga sempat menemui masyarakat Thailand di negara ini.

Dua anggota ABDB dilantik Pegawai Kadet

BERAKAS. — Dua orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dilantik menjadi Pegawai Kadet dalam satu majlis yang berlangsung di Mess Pegawai Berakas Garrison di sini pada hari Jumaat 18 September lepas.

Mereka ialah 20015 Sarjan Hajjah Rosita bte Hj. Julaihi dari Kompeni Askar Wanita dan 6234 Sarjan Azhar bin Hj. Ahmad dari Woksyp Bolkih.

Ketua Turus ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Hj.

Mohammad bin Hj. Daud menyempurnakan majlis tersebut.

Juga hadir di majlis itu ialah Pegawai Pemerintah Angkatan Tentera, Yang Dimuliakan Pehin Dato Indera Setia Brigadier Jeneral Dato Paduka Awang Sulaiman bin Hj. Damit dan pegawai-pegawai kanan ABDB serta keluarga kedua-dua kadet itu.

Sarjan Hajjah Rosita menganggotai ABDB dalam tahun 1981, manakala Sarjan Azhar menyertai angkatan tersebut dalam tahun 1980.



KETUA Turus ABDB Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bersalaman sejezus selepas mentauliahkan pangkat Pegawai Kadet kepada Sarjan Hajjah Rosita. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

CEBURKAN DIRI DALAM SEKTOR SWASTA

Oleh Abd. Karim HAB

KERIAM. — Yang Dipertua Majlis Belia Brunei (MBB), Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani menyarankan para belia di negara ini menceburkan diri sepenuhnya dalam sektor swasta, kerana kerjaya dalam sektor berkenaan bukan saja dapat menjamin masa depan mereka tetapi juga membantu perkembangan ekonomi negara.

Katanya, peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh sektor swasta seperti bank-bank dan syarikat-syarikat multi-national terlalu luas dan banyak untuk diceburi oleh para belia lepasan sekolah.

"Kita yakin sektor swasta bukan saja menyerap tenaga kerja para belia tetapi juga berkeupayaan untuk terus meningkatkan prestasi kerja dengan memberikan latihan-latihan tertentu di dalam dan luar negeri. Perkara ini bertambah penting lagi apabila kita melihat usaha-usaha gigih pihak swasta ini untuk menyerap tenaga kerja yang semakin meningkat. Lebih ramai lagi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di peringkat pengurusan semamata untuk kepentingan negara ini," jelas Pengiran Badaruddin.

Yang Dipertua MBB menyatakan perkara itu ketika merasmikan majlis



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menyaksikan sebahagian daripada pameran urusan rumahtangga dan kerjatangan sempena sambutan Jubli Perak PESAKA baru-baru ini. Berita lanjut di muka 24. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

penutup Jubli Perak Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) di Sekolah Rendah Keriam pada petang Ahad minggu lalu.

Beliau seterusnya menambak jika perkara seumpama itu dapat diunggulkan dengan lalin dan teratur, beliau percaya peratus tenaga kerja di semua peringkat dalam sektor swasta akan bertambah dan dapat disebarkan dengan tenaga kerja asing di masa depan.

Menurutnya lagi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa mengambil berat kepada golongan belia di negara ini terutama dalam memberikan kemudahan-kemudahan pelajaran bagi memastikan setiap belia mempunyai pendidikan asas dan lanjutan yang sempurna.

"Adalah menjadi tanggungjawab para belia terus menyokong usaha kerajaan mengekalkan keamanan dan kemantapan politik dan

ekonomi. Perkara ini dapat dilakukan melalui persatuan-persatuan seperti yang dibuktikan oleh Persatuan Melayu Keriam dalam tempoh lebih 25 tahun," katanya.

Beliau menegaskan Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) telah membuktikan bahawa perpaduan dan persefahaman telah mewujudkan berbagai kemajuan termasuk kejayaan di bidang ekonomi dan perdagangan.

Kurang kemahiran memandu punca kemalangan

GADONG. — Tidak memahami dan kurang kemahiran memandu adalah antara sebab yang menjadikan keadaan di jalan raya kurang selamat.

Demikian antara lain dinyatakan oleh Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Haji Kassim bin Haji Johan di satu sidang akhbar yang diadakan di jabatan tersebut pada 17 September yang baru lalu di sini.

Katanya, pemandu kenderaan-kenderaan dengan

sewenang-sewenangnyanya memandu tanpa menghiraukan keselamatan pengguna-penggunanya jalan raya yang lain dan ini akan menyebabkan kemalangan berlaku.

Menurutnya untuk itu, kerajaan ketika ini berusaha memperkuatkan Undang-Undang Sekolah Memandu buat pertama kalinya di negara kita yang dikuatkuasakan sekarang.

Awang Haji Kassim berkata dengan adanya sekolah

memandu tersebut, yang dilengkapi dengan teknik pendidikan yang bersesuaian dan berpanduan kepada kurikulum kita akan dapat menghasilkan pemandu-pemandu yang berdisiplin, bersopan santun dan bertanggungjawab dan patuh kepada Undang-Undang dan Peraturan Peraturan Lalulintas Jalan Raya di negara ini.

Adalah difahamkan, pemohon-pemohon lesen

Oleh Bolhassan HAB

memandu sebelum ini kebanyakannya mendapat latihan memandu dari ahli-ahli keluarga atau jurujuralatih persendirian.

Dengan demikian jelas Awang Haji Kassim, walaupun jurujuralatih tersebut mempunyai pengalaman memandu, tetapi mereka tidak pernah menjalani pendidikan latihan memandu yang bersistematik

sebagaimana yang terdapat di luar negeri.

Antara lain tujuan mengadakan sekolah memandu ini ialah untuk memberikan pendidikan yang betul kepada bakal-bakal pemandu mengenai dengan Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya dan pemanduan yang bertata-tertib dan berwaspada.



PENGAWAL Pengangkutan Darat, Awang Haji Kassim ketika membuat kenyataan di satu sidang akhbar baru-baru ini. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

Semangat cintakan agama, bangsa tidak memadai dengan sebutan sahaja

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah menegaskan semangat cintakan agama, bangsa dan tanahair tidak memadai dengan sebutan-sebutan sahaja.

Menurut Yang Dimuliakan Pehin, hasrat hendak menjadikan negara ini sebagai Negara Melayu Islam Beraja (MIB) tidak akan dapat tercapai dengan sempurna sekiranya corak pendidikan yang dirancang berlainan dengan yang dimaksudkan.

"Pencapaian semangat cintakan agama, bangsa dan tanahair yang dihasratkan itu tidaklah memadai dengan secara sebut-sebutan, apatah lagi kalau corak pendidikan yang dirancang untuknya itu berlainan dari maksud yang dihasratkan atau per-

Oleh: Zubaidah Haji Salat

laksanaannya berlainan dengan apa yang hendak dituju, seperti kata orang Brunei "jauh ikat dari takah", sudah tentu hasrat hendak menjadikan Negara Melayu Islam Beraja itu tidak akan dapat dicapai dengan sempurna kerana corak pendidikan itu memerlukan persesuaian", tegas Yang Dimuliakan Pehin.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri menegaskan demikian ketika berucap di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Rencana Sejarah yang berlangsung di Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini pada hari Jumaat, 18 September lepas.

Yang Dimuliakan Pehin juga berkata, kalau rakyat dan penduduk negara ini tidak terdidik dengan pendidikan yang berciri kebruneian sebagaimana yang dihasratkan dengan kehendak Melayu Islam Beraja, dikuatir semangat dan perasaan mereka akan menyimpang dari dasar negara.

Dari itu, tegas Yang Dimuliakan Pehin seterusnya, rakyat dan penduduk negara ini perlu mengambil perhatian berat terhadap perkara tersebut agar rakyat dan penduduk negara ini, khususnya generasi muda menginsafi dan bertanggungjawab terhadap agan, bangsa dan negara, sepertimana yang pernah dilakukan oleh pahlawan-pahlawan gagah negara ketika dulu.

Hasrat ini, menurut Yang Dimuliakan Pehin, bukanlah hanya dijadikan sebagai impian sahaja tanpa sesuatu usaha yang dijalankan bagi menyesuaikan didikan terhadap anak bangsa, tetapi apa yang perlu tegas Yang Dimuliakan Pehin, kitani hendaklah sentiasa mengawasi dan mengambil berat tentang pelajaran dan pendidikan anak-anak agar mewakili warganegara yang tahukan kewajipan.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri Pengetua Pusat Sejarah menyampaikan hadiah kepada Awang Haji Morshidi bin Haji Akim. — Gambar oleh Harun Rashid.

Pemenang Menulis Rencana Sejarah

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Peraduan Menulis Rencana Sejarah yang dianjurkan oleh Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun mengumumkan keputusan peraduan tersebut di Majlis Penyampaian Hadiah bagi peraduan itu pada 18 September lepas di sini.

Peraduan Menulis Rencana Sejarah Brunei ini adalah julung-julung kali diadakan di negara kita.

Sebagaimana yang difahamkan di antara tujuan mengadakan peraduan itu ialah bagi mewujudkan kesedaran terhadap betapa pentingnya mengetahui perkembangan sejarah negara sebagai suatu renungan dan perbandingan yang amat berguna bagi perkembangan negara masa akan datang.

Dalam peraduan tersebut esei yang berjudul 'Sejarah Setem-Setem Pos Brunei' di dalam Lima Kesultanan 1895-1986 telah memenangi Hadiah Penghormatan Kedua. Esei ini adalah hasil tulisan Awang Haji Marsidi bin Haji Akip, Timbalan

Pengetua Sekolah Awang Semau, Bandar Seri Begawan. Beliau menerima hadiah wang tunai sebanyak \$1,500 serta sijil penyertaan.

Menurut keputusan peraduan dan keputusan serta laporan daripada hakim-hakim, bahawa tidak ada rencana yang layak memenangi hadiah pertama. Oleh yang demikian hanya hadiah kedua dan ketiga sahaja diberikan iaitu termasuk 4 hadiah sahuati.

Esei yang berjudul 'Sejarah Brunei Awal (Brunei Tua)' yang ditulis oleh Awang Osman bin Md. Daud dan esei yang berjudul 'Satu Analisa Bagaimana Poni Merujuk kepada Kerajaan Awal Brunei' yang ditulis oleh Awang Haji Asbol bin Haji Mail, kedua-duanya dari Universiti Brunei Darussalam telah memenangi Hadiah Penghormatan Ketiga. Mereka masing-masing menerima hadiah wang tunai \$1,000 serta sijil penyertaan.

Sementara Hadiah Penghargaan wang tunai \$300 setiap satu telah dimenangi oleh Awang Aminuddin bin

Haji Ali dengan tajuk 'The Development 'Transition' -Political History in Negara Brunei Darussalam since 1929'. Awang Abd. Rahman bin Haji Mahathir dengan tajuk rencana 'Sejarah Brunei Tua-Satu Penilaian Semula'. Dayang Nurul Azien binti Abdullah dengan tajuk rencana 'Islam di Brunei (Kedatangan Islam ke Brunei) dan Awang Haji Mohsin bin Abu Bakar dengan tajuk rencana 'Brunei pada awal abad ke-20.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah.

Pengiran Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar, Pegawai Pentadbir Kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan menjalankan tugas-tugas Setiausaha Tetap menyampaikan sijil-sijil kepada mereka yang terlibat dalam "Bengkel Sejarah Lisan" yang diadakan tahun lalu.



GAMBAR memperlihatkan sebahagian daripada jemputan-jemputan khas yang menghadiri majlis penyampaian hadiah Peraduan Menulis Rencana Sejarah baru-baru ini. — Gambar oleh Harun Rashid.

MENGHIDUPKAN SEMULA SENI PERTUKANGAN TANGAN BANGSA KITA

Dari muka 6

mereka dapat menyaksikan keaslian ukiran dan lurikan hasil seni pertukangan tangan bangsa kita untuk dibeli dan menjadi ristaan abadi sekembali mereka ke negeri mereka kelak.

Sejarahanya

Penubuhan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei bermula pada 1 September, 1975 dengan pengambilan pertama bagi penuntut-penuntut mengikuti kursus pertukangan perak, tembaga dan tenunan. Seramai 24 orang penuntut lelaki dan perempuan didaftarkan untuk mengikuti kursus.

Dalam pertukangan perak seramai lapan orang penuntut lelaki, kursus tembaga juga lapan orang lelaki dan penuntut perempuan seramai lapan orang mengikuti kursus tenunan.

Sebelum pengambilan pertama dilakukan, satu jawatankuasa telah diperakukan dan dilantik atas perkenan kerajaan. Jawatankuasa Tertinggi Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei telah dibentuk pada tahun 1975. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh YDM Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Utama Awang Haji Abdul Rahman.

Beberapa orang ahli jawatankuasa juga dilantik antaranya, Timbalan Pengarah Muzium-Muzium Brunei sebagai setiausaha, dan ahli-ahli terdiri dari Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Pengarah Pelajaran, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengarah Kerja Raya, Pengarah Unit Perancangan Ekonomi dan Pengarah Lembaga Kema-juan Ekonomi. Ketua Pusat

LKPTB dilantik cuma sebagai pemerhati dalam mesyuarat jawatankuasa Tertinggi.

Pada mulanya pusat tersebut telah menempatkan tiga orang guru iaitu seorang pada setiap kursus dan tiga orang tukang, juga seorang pada setiap kursus.

Dalam beberapa tahun kursus berjalan, pusat tersebut terus berkembang dengan pesatnya terutama dengan pengambilan penuntut-penuntut baru, tambahan kursus yang diajarkan, tambahan pegawai, pengajar dan lain-lain kakitangan.

Pusat tersebut juga bertanggungjawab kepada penyediaan bahan-bahan mentah, membeli juga memasarkan hasil-hasil yang disiapkan oleh lepasan penuntut yang terus mengusahakan pertukangan tangan mereka di rumah masing-masing.



DI BAHAGIAN pameran hasil pertukangan tangan PLKPTB urusan-urusan jualan juga dilakukan.

Memberi cenderamata dari hasil pertukangan tangan kita, akan menjadi ristaan abadi

ASEAN AKAN TERUS WUJUDKAN SUASANA AMAN DAN MAKMUR DI RANTAU INI

PERTUBUHAN Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) yang dianggotai oleh enam buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina dan Negara Brunei Darussalam kini menjangkau usia ke-20 tahun sejak ditubuhkan melalui Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos, 1967.

Sebagai memperingati penubuhan itu, Negara Brunei Darussalam yang menjadi anggota keenam pada 7 Januari 1984 telah mengadakan beberapa acara perayaan yang bermula dengan majlis jamuan di Mess Pegawai Polis di Gadong dan seterusnya perkelahan di Pantai Tungku dengan dihadiri oleh wakil-wakil daripada kedutaan negara-negara ASEAN.

Sambutan seterusnya pula ialah pameran-pameran mengenai perkembangan yang telah dicapai oleh ASEAN dikeempat-empat daerah yang bermula di ibu negara, Kuala Belait, Tutong dan Temburong.

Pameran-pameran tersebut ditayangkan melalui pame-

ran-pameran gambar-gambar dan juga tayangan video yang menggambarkan pelbagai perkara yang berhubungkait dengan pertumbuhan ekonomi, keamanan, usaha kerjasama, serta juga hubungan-hubungan serantau.

Ulang tayang

Sebagai kesimpulan pameran-pameran tersebut diibaratkan sebagai ulang tayang dalam menyingkap semula secara mendalam kejayaan yang dicapai oleh Pertubuhan Negara-negara ASEAN sejak 20 tahun yang lalu, di samping memperkenalkan kepada generasi akan datang berhubung dengan peranan yang dimainkan oleh setiap negara anggota.

Selain daripada sambutan-sambutan tersebut, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pos juga tidak ketinggalan menyertai sambutan yang sama dengan mengeluarkan stem-stem kenangan hari pertama bernilai 20 sen, 50 sen dan \$1.00.

Sementara itu Setiausaha Agung Sekretariat ASEAN, Awang Roderick Yong ketika berucap di Bangunan Sekretariat ASEAN sempena

Oleh Ahat Haji Ismail
Gambar-gambar oleh
Pg. Hj. Yaakub



GAMBAR atas yang dirakamkan melalui tayangan video memperlihatkan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika bersabda dalam salah satu mesyuarat ASEAN. Gambar tayangan video ini dipamerkan sempena Penubuhan ASEAN ke-20 tahun yang diselenggarakan oleh Jabatan Muzium-Muzium ke seluruh negara.

sambutan ulangtahun itu menyatakan dekad yang akan datang amat penting bagi ASEAN memandangkan pelbagai cabaran akan dihadapi.

Perkembangan ekonomi dunia menurutnya, begitu pesat bertukar dan kerap kali tidak menguntungkan kebanyakan negara-negara anggota ASEAN.

Sehubungan dengan itu beliau menggesa agar kerjasama erat diteruskan demi untuk mencapai matlamat yang diharap-harapkan seperti yang termaktub dalam pengisytiharan ASEAN iaitu mengukuhkan perdamaian dan kemakmuran kepada penduduk-penduduk rantau ini.

"Kemajuan yang dicapai mungkin tidak secepat yang kita harap-harapkan, tetapi apa yang jelas ialah kemajuan

itu pasti datang satu demi satu," jelasnya.

ASEAN katanya, berjaya mengharung masa-masa yang mencabar sejak awal tahun 1970an, kerjasama pesat selepas menandatangani perjanjian ASEAN oleh ketua-ketua kerajaan negara anggota ASEAN di Bali tahun 1976 dan 1984, apabila Negara Brunei Darussalam menyertai pertubuhan itu.

ASEAN sebenarnya ditubuhkan dengan tujuan hendak memupuk kerjasama dan persefahaman dalam bidang-bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan. Dalam pada itu isu-isu politik dan keselamatan juga dipandang berat oleh ASEAN memandangkan keadaan sekeliling.

Tertubuhnya ASEAN bermula melalui perbincangan di antara para pemimpin Malaysia dan Indonesia yang menyentuh mengenai konsep ASA dan Maphilindo yang akhirnya melahirkan ASEAN. Dengan erti kata yang lain, kelahiran ASEAN adalah lanjutan kerjasama serantau yang pernah dipupuk oleh Malaysia sejak awal tahun enam puluhan.

Singapura turut menyertai ASEAN memandangkan kepentingan ekonomi dan perdagangannya dan sekaligus menyambut baik cadangan memperluaskan ASA menjadi ASEAN, begitu juga Filipina dan Thailand.

Bagi Negara Brunei Darussalam yang menjadi anggota seminggu selepas mencapai kemerdekaan berazam untuk bekerjasama dengan setiap negara anggota untuk mencapai keamanan dan kemajuan di rantau ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika bersabda di upacara pengisytiharan keanggotaan Negara Brunei Darussalam ke dalam pertubuhan itu antara lain bersabda, "Sebagai anggota ASEAN, Negara Brunei Darussalam akan menjalankan kewajibannya menurut kebolehan.".

Sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi, "Kami menyedari bahawa sebagai anggota persatuan yang paling kecil dari segi bilangan penduduknya, peranan yang kami mainkan mungkin agak terbatas oleh banyak faktor antaranya ialah tenaga manusia."

Dengan penyertaan negara ini ke dalam anggota serantau itu peranan dan tanggungjawab yang dipikul adalah besar bersama-sama dengan anggota lain. Begitupun, keanggotaan tersebut membuka lambaran baru bagi negara kita di arena antarabangsa untuk sama-sama berdiri tinggi dan duduk sama rendah.



GAMBAR di atas dirakamkan semasa negara kita menjadi tuan rumah Mesyuarat Buruh ASEAN tahun lepas.



PEGAUAI Daerah Temburong, Awang Abdul Hamid Ismail menyaksikan pameran-pameran sempena ulangtahun ke-20 Pertubuhan ASEAN.

Lawatan kapal Tentera Peranchis

MUARA. — Sebuah kapal peronda Tentera Laut Perancis, La Railleuse telah membuat persinggahan ke negara ini pada 3 September lepas kerana mengadakan lawatan selama lima hari.

La Railleuse merupakan kapal Tentera Laut Perancis yang pertama melawat negara

ini. Ianya membawa seramai 26 orang anak buah kapal termasuk empat orang pegawai dan di bawah perintah Letenan Leon.

Semasa berada di negara ini, pemerintah kapal tersebut telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja

Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud.

Antara tempat-tempat yang menarik mereka lawati termasuklah Kampong Ayer dan sekitar Daerah Temburong.



HARAPAN masa depan negara. Generasi muda ini tidak ketinggalan untuk mengisikan pengetahuan mereka dengan sama-sama turut serta menyaksikan pameran di Pekan Bangar.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

SUKAN SEA KE-14 DI JAKARTA

SUKAN SEA kali ke-14 telah diadakan di kota Jakarta bermula pada hari Rabu 9 September, 1987 sehingga berakhir dan ditutup dengan rasminya pada hari Ahad, 20 September, 1987 yang baru lalu. Selama 12 hari ahli-ahli sukan dari negara-negara Asia Tenggara, kecuali Laos dan Vietnam berada tenaga serta kekuatan, bagi mempertunjukkan kebolehan, kemahiran dan prestasi masing-masing di dalam pelbagai bidang sukan yang dipertandingkan. Malahan, menerusi sukan ini juga hubungan persefahaman dan setiakawan 'Negara-Negara Asia Tenggara' akan terjalin lebih erat lagi.

Bagi peminat-peminat sukan dan masyarakat ramai di negara ini yang tidak berkesempatan menghadiri diri ke kota Jakarta, pihak Radio Brunei telah memberikan pendekatan - pendekatan menerusi laporan-laporan yang terperinci. Selama 12 hari juga juru-juruulas sukan Radio Brunei

yang dihantar bertugas di kota Jakarta telah memberikan gambaran menerusi 'audio', pada setiap jenis sukan yang dipertandingkan, khususnya yang disertai oleh ahli-ahli sukan Negara Brunei Darussalam sendiri.

Sejauh ini, Radio Brunei seringkali memberikan keutamaan kepada sukan di radio. Hal ini adalah disebabkan bidang sukan merupakan salah satu kegiatan yang diutamakan oleh negara. Tambahan pula bidang sukan amat luas penggemarnya. Sejak Negara Brunei Darussalam berdiri sendiri sebagai salah sebuah negara merdeka dan berdaulat di dunia antarabangsa, bidang sukan begitu diam-bil penting, malahan diberikan keutamaan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Ahli-ahli sukan negara ini sentiasa mendapat bimbingan dan latihan sukan sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Usaha-usaha yang dilakukan ini adalah semata-mata untuk me-

ninggikan kemahiran ahli-ahli sukan dan seterusnya dapat mempertingkatkan mutu sukan negara.

Di samping itu, laporan-laporan sukan yang disiarkan oleh siaran Radio Brunei juga sentiasa bersifat positif. Di sepanjang Sukan SEA ke-14 itu diadakan, juru-juruulas sukan radio tidaklah hanya memberikan pendekatan kepada ahli-ahli sukan kita sendiri, malah-an, juru-juruulas tersebut juga menemuramah peserta-peserta sukan dari negara-negara Asia Tenggara yang lain. Di sini nampak jelas bahawa peranan radio itu amat luas dan dapat memupuk semangat persahabatan. Justeru, perjumpaan-perjumpaan ataupun pertandingan-pertandingan sukan semumpama ini tidaklah hanya mengutamakan untuk menggondol pingat kemenangan saja. Malahan yang lebih penting adalah 'Semangat Bersukan.' Begitulah motto yang seringkali ditanamkan oleh tokoh-tokoh sukan yang

terawal di dunia antara-bangsa dan seterusnya menjadi ikutan ahli-ahli sukan hari ini. Motto 'Semangat Bersukan' inilah juga yang seringkali di-amalkan oleh ruangan sukan Radio Brunei.

Menerusi laporan-laporan sukan dari Sukan SEA kali ke-14 di kota Jakarta sepanjang 12 hari yang baru lalu, para pendengar dan peminat sukan di negara ini yang juga mungkin di antaranya 'berbakat sukan', akan dapat mempertingkatkan azam dan kemahuan untuk bersukan di masa-masa hadapan. Ini adalah untuk menambahkan bilangan ahli-ahli sukan negara yang berpotensi dan bersemangat tinggi. Menerusi ruangan Radio Minggu Ini kami sukacita mengucapkan syabas, kepada para peserta yang meraih pingat kemenangan.



Sudut Remaja

SUDUT Remaja Minggu Ini akan diisikan oleh Ak. Shaiful Rezal Malek Fai-sal Pg. Hj. Merali.

Bakatnya mula terserlah

ketika menyertai Pertandingan Bintang Kecil.

Ikutilah persembahannya pada hari Isnin 28 September, 1987, jam 4.00 petang.

Resipi Bermacam-macam Minuman

PUNCH BUAH-BUAHAN

Bahan-bahannya :—

- 2 sudu makan jus mangga
- 2 sudu makan jus oren
- 2 sudu makan jus epal
- 2 sudu makan jus nenas.
- 1 sudu teh manisan Grenadine.

Untuk hiasannya :—

- 1 hiris nenas
- sebiju ceri.

Cara membuatnya :—

Campurkan semua bahan-bahan yang disediakan dan masukkan ke dalam alat kisaran bersama-sama beberapa kepingan ais. Kisar selama 10 saat. Kemudian masukkan ke dalam gelas yang telah disediakan. Hiaslah dengan sehiris buah nenas dan ceri.

CHAPMAN

Bahan-bahannya :—

- 1 sudu makan perahan lemon
- 2 titik perasa pahit
- 1 botol minuman Sprite.

Untuk hiasannya :—

- 1 hiris lemon atau buah ceri.

Cara membuatnya :—

Campurkan kedua-dua bahan tadi iaitu perahan lemon dan perasa pahit terlebih dahulu bersa-

ma-sama beberapa kepingan air batu. Kemudian tuangkan minuman Sprite tadi ke dalam gelas yang sudah sedia disejukkan.

Kemudian hiaslah dengan menggunakan sehiris lemon atau ceri di gelas yang digunakan.

TUTONG SUNRISE

Bahan-bahannya :—

- 1 sudu teh air madu
- 1 biji telur
- 3 sudu makan jus oren.

Untuk hiasannya :—

- 1 hiris lemon
- 1 hiris limau
- 1 kuntum bunga orkid
- 1 batang payung kecil.

Cara membuatnya :—

Campurkan kesemua bahan-bahan tadi iaitu air madu, telur dan jus oren. Kemudian masukkan ke dalam alat pengisar dan kisar selama 10 saat bersama-sama beberapa keping air batu.

Dan tuang ke dalam gelas yang disediakan dan hiaslah gelas tersebut bersama-sama sehiris limau atau lemon dan juga simpanlah bunga orkid dan payung kecil untuk kecantikan.

MARGARITA

Bahan-bahannya :—

- 2 sudu makan perahan limau
- 2 sudu makan air gula
- ½ botol minuman air soda.

Untuk hiasannya :—

- sehiris lemon.

Cara membuatnya :—

Campurkan kedua-dua bahan ini iaitu perahan limau dan gula terlebih dahulu. Kemudian campurkan bersama-sama minuman air soda dan beberapa air batu.

Hiaslah dengan sehiris lemon pada gelas yang digunakan.

GUNNER

Bahan-bahannya :—

- ½ botol perahan halia (Gangger Ale)
- ½ botol perahan halia
- 2 titik Angustura.

Untuk hiasannya :—

- sehiris lemon.
- 1 biji ceri
- 1 kuntum orkid.

Cara membuatnya :—

Campurkan kesemua bahan-bahan di atas dan berikan beberapa keping air batu.

Kemudian hiaslah gelas-nya dengan lemon, ceri dan bunga orkid.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah bermula pada 16 September, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN — 2085

- 1) Serbuk Santan (60g) sebungkus 80 sen.
 - a) Kedai Thye Seng Dept. Store B1 Jalan Robert.
- 2) Telur Ayam Tempatan sepapan \$5.70.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
- 3) Lada Botol (Maggie) Berbawang Putih sebotol \$1.60.
 - a) Kedai Eng Leong, No. 8, Jalan McArthur.
- 4) Mee Suah (120g) Cap Orang Merah sebungkus 50 sen.
 - a) Kedai Chop Ken Ken B2, Jalan Robert.
 - b) Kedai Chop Hen Long No. 31, Jalan Sultan.

TUTONG — 5082.

- 1) Serbuk Santan (60g) sebungkus 80 sen.
 - a) Soon Lee Mini Mart 1 Jalan Enche Awang.
 - b) Lim Kian Seng No. 3 Jalan Enche Awang.
- 2) Telur Ayam Tempatan sepapan \$6.00.
 - a) Chop Hoe Hing No. 4 Jalan Enche Awang.
- 3) Lada Botol (Maggie) Berbawang Putih sebotol \$1.60.
 - a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
- 4) Mee Suah (120g) Cap Orang Merah sebungkus 50 sen.

- a) Chop Hoe Hing No. 4 Jalan Enche Awang

SERIA — 7087

- 1) Serbuk Santan (60g) sebungkus 60 sen.
 - a) Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
- 2) Telur Ayam Tempatan sepapan \$5.60.
 - a) Kedai Haji C. A. Mohammad No. 51 Jalan Bunga Kuning.
- 3) Lada Botol (Maggie) Berbawang Putih sebotol \$1.60.
 - a) Chop Koh Seng Heng No. 17 Jalan Sultan Omarali.
- 4) Mee Suah (120g) Cap Orang Merah sebungkus 50 sen.
 - a) Kedai Choo Heng and Company No. 30 Jalan Sultan Omarali.

KUALA BELAIT — 6083

- 1) Serbuk Santan (60g) sebungkus 70 sen.
 - a) Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.
- 2) Telur Ayam Tempatan sepapan \$5.70.
 - a) Kedai Ng Ming Hong No. 101, Jalan McKerron.
- 3) Lada Botol (Maggie) Berbawang Putih sebotol \$1.60.
 - a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45, Jalan Pretty.
 - b) Koh Kit Hin No. 28 Jalan Pretty.
- 4) Mee Suah (120g) Cap Orang Merah sebungkus 45 sen.
 - a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45 Jalan Pretty.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU 23 SEPTEMBER

HARI JUMAAT 25 SEPTEMBER

6.20 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN- NYA 6.30 TELEBUGS

HARI ISNIN 28 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FLINTSTONE KIDS
5.00 WIND IN THE WILLOWS: "Badger's Remedy"
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Ming's Household Held"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MY SISTER SAM: "Anything For A Friend"
6.16 AZAN MAGHRIB
6.21 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-
NYA
6.31 ANIMALS IN ACTION: "Marine Life"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.25 AZAN ISYAK
7.30 SMALL WONDER: "Victor/Vicki-Toria"
8.10 L. A. LAW: "El Sid"
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 LIPUTAN NASIONAL
10.00 THE COLBYS: "Sanctuary"
Pengkhianatan Kolya memeranjatkan pihak Soviet, siapa yang melepaskan kemarahannya ke atas Jason. Monica mula mengsyaki kebenaran mengenai Scott Cassidy sementara Francesca tidak syak lagi mendendam Channing.
10.53 SPORTS
11.50 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 24 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 HEATHCLIFF
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ECONOMIC TODAY
6.05 1, 2, 3 GO
6.16 AZAN MAGHRIB
6.21 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-
NYA
6.31 KISSYUR

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.25 AZAN ISYAK
7.30 WEBSTER: "The K.O. Kid"
8.10 MIAMI VICE
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIDAYAT
9.55 DUNIA MINGGU INI
10.25 MAGNUM P.I.: "Laura"
Magnum terlibat dengan Michael Donheny, seorang anggota polis New York yang telah bersara, siapa yang mencari lelaki yang telah membunuh cucu perempuannya dan Magnum telah menghalang Donheny dari memukul Geiger hingga mati.
11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Trap In Silence"
Drama ini disesuaikan dari buku Murphy's Boy mengisahkan mengenai seorang budak lelaki belasan tahun menghadapi masalah emosi menyebabkannya tak dapat mengawal tindakannya. Miss Mason yang berlakon sebagai Jennifer Hubbell, seorang ahli psikologi, cuba menolongnya.
12.50 SIARAN TAMAT.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
12.25 HIDAYAT — ulangan
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.50 HIDAYAT — sambungan
1.00 THE REAL GHOSTBUSTERS: "Janne's Jeanie" (Episod akhir)

PETANG

- 1.25 RACCOON: "Gold Rush" (Episod terakhir)
1.55 BRAZIL BRAZIL: "Water, Land And Survival"
2.55 MASK: "Solaria Park"
3.22 AZAN ASAR
3.27 AL-KISAH
3.45 MAGIC CORNER
4.10 FLAME TREES OF THIKA: "A Real Sportsman"
5.10 WORKING FOR SAFETY
5.35 TERRY AND JUNE: "Snookered"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TERRY AND JUNE — sambungan
6.05 WHY AND WHEREFORES: "Why Does Water Bubbles When It Boils"
6.15 AZAN MAGHRIB
6.20 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-
NYA
6.30 WHY AND WHEREFORES — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 WORLD'S FUNNIEST COMMERCIAL GOOFS
7.24 AZAN ISYAK
7.29 WORLD'S FUNNIEST COMMERCIAL GOOFS — sambungan
8.10 MACGYVER: "The Road Not Taken"
Dalam episod kali ini MacGyver bersama Peter Thornton mengembara ke Asia Tenggara untuk menyelamatkan sekumpulan kanak-kanak yatim, seorang rahib perempuan dan kekasih lama MacGyver, Debra Easton, yang keselamatan mereka diancam oleh satu sistem pemerintahan yang zalim.
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.05 THAT'S MY BOY: "Moving Out" (Siri baru)
11.30 FALCON CREST: "Flesh Point"
12.30 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 26 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 WILDLIFE ON ONE: "Where Fish Are Friendly"
5.45 RINGKASAN WARTA
5.50 ALF: "Little Bit Of Soap"
Alf memutuskan untuk menghantar skrip-skrip sandiwaranya dan skrip-skrip ini sangat berjaya tetapi malangnya ideanya bukan asli, ianya dipetik dari percakapan rahsia yang didengarnya antara Kate dan ibunya Dorothy.
6.15 AZAN MAGHRIB

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.24 AZAN ISYAK
7.29 THREE'S COMPANY: "Baby, It's Cold Inside"
8.15 WARTA BERITA
8.30 ABU POPULAR SONG CONTEST: 1987 — Siaran langsung dari Malaysia
11.00 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Sejuta Serat Sutra"
12.30 ENTERTAINMENT THIS WEEK
1.30 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 27 SEPTEMBER

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 AZAN ZUHUR
12.19 MUSICAL: "Anita Sarawak At Sentosa"

PETANG

- 1.10 BIG LEAGUE SOCCER
1.55 TAYANGAN GAMBAR: "Dance Of The Dwarfs"
Evelyn mengupah Harry untuk menerbangkannya ke stesen pengkajian penasihannya, Profesor Eslinger, di dalam sebuah hutan terpencil. Setelah di sana mereka dapati Profesor Eslinger yang telah hilang lebih dari seminggu itu, membuat penyelidikan mengenai orang-orang kerdil khayalan yang pernah diceritakan sebagai hantu atau syaitan. Ikutilah cerita yang menarik ini selanjutnya.
3.22 AZAN ASAR
3.27 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
3.35 THE ADVENTURES OF TEDDY RUXPIN: "Beware Of The Mudblups"
Setelah terhempas di padang pasir, Mudblups menawan dan memperjara pengembara-pengembara itu kerana mencuri arang mereka. Teddy dan Gimmick dipenjarakan bersama Prince Arin yang telah lama ditawan semasa mencari saudara perempuannya yang diculik. Mereka melepaskan diri selepas satu gempa bumi dan meneruskan pengembaraan mencari saudara perempuannya Prince Arin.
4.00 SILVERHAWKS: "The Milk Run"
4.25 DRAMA (SBC): "Kembali Dalam Kenangan" Bhg I
5.05 REAL PEOPLE: (Episod akhir)
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 REAL PEOPLE — sambungan
5.55 CENTURIONS: "Night On Terror Mountain"
6.15 AZAN MAGHRIB
6.20 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-
NYA
6.30 GROWING PAINS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.24 AZAN ISYAK
7.29 WHAT'S A COUNTRY
8.10 MATLOCK
9.00 WARTA BERITA
9.25 JUARA KUGIRAN 1987 — SEPARUH AKHIR I
10.15 RAGE OF ANGELS II — THE STORY CONTINUES
11.05 CALL ME MISTER
12.05 SIARAN TAMAT.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ALPHABET GAMES: "The Letter — M"
4.45 BITS AND PIECES: "Fish"
4.55 JOHNNY QUEST: "Skulduggery" (Episod akhir)
5.20 THE WORLD ABOUT US: "Haunted Heroes"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE WORLD ABOUT US — sambungan
6.14 AZAN MAGHRIB
6.19 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-
NYA
6.29 THE EDISON TWINS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.24 AZAN ISYAK
7.28 WHO'S THE BOSS? "Spud Micelli"
8.10 HEART OF THE CITY: "Out Of A Limb" (Episod akhir)
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 SUPERSTARS OF WRESTLING
10.50 TAYANGAN GAMBAR: "Firepower"
Kali ini kita akan dapat menyaksikan sebuah lagi filem khayalan yang mengagumkan yang dibintangi oleh Adele Tasca (Sophia Loren) dan Jerry Fanon (James Coburn) dan lain-lainnya yang mengisahkan mengenai kerajaan Amerika Syarikat yang cuba membawa balik Carl Stegner, lelaki ketiga terkaya di dunia untuk didakwa atas bermacam-macam tuduhan. Adele cuba memujuk kerajaan supaya menggunakan bekas kekasihnya, seorang pemburu pesalah untuk membawa pulang Carl Stegner. Fanon dan Adele kemudian pergi ke Caribbean untuk memulakan tugas yang sukar itu.
12.30 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 29 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 RAG DOLLY ANNA
4.55 SQUARE ONE
5.20 JEM
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TIMANG TINGGI-TINGGI (Episod akhir)
6.10 DOCUMENTARY: GLASS
6.14 AZAN MAGHRIB
6.19 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-
NYA
6.29 DOCUMENTARY — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.22 AZAN ISYAK
7.27 MARI MEMASAK: "Bermacam-macam Minuman: Punch Buah-Buahan, Chapman, Tutong Sunrise, Margarita dan Gunner"
(Resipi minuman ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
8.10 COURAGE
9.25 BELIA
10.45 KANE DAN ABEL (Siri baru)
11.45 SIARAN TAMAT.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani buku lawatan di bilik orang-orang kenamaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendengar penjelasan mengenai salah satu bahan terbitan yang disediakan di Biro Penerangan yang disediakan di Lapangan Terbang Antarabangsa (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendengar penjelasan mengenai penggunaan alat kawalan di Pusat Pengawalan Alat-Alat Bangunan (kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan kemudahan di terminal berkenaan yang disediakan bagi orang-orang cacat (kanan sekali).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat meninjau ke kaunter pemeriksaan tiket (atas sekali) dan penyerahan bagasi (atas).



KEBAWAH DYMM BERANGKAT KE PRIBIU TERMINAL BARU



BAGINDA meneliti salah satu cap yang digunakan oleh pegawai-pegawai Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa di kaunter pemeriksaan pasport (atas).
KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia memerhatikan sebahagian barang jualan yang terdapat di salah sebuah kedai bebas cukai di balai keberangkatan (bawah).




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia memerhatikan alat penimbang surat yang terdapat di kaunter pos (atas).

BAGINDA keluar dari pesawat Boeing 757 kelike meninjau ke salah satu titisawat (aerobridges) yang terdapat di terminal berkenaan (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima cenderamata yang disembahkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abd. Rahman, Pengerusi Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di kedai Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan (bawah).

Liputan Abd. Karim HAB
Gambar-gambar oleh Hj. Sharbini
dan Pg. Abu Bakar PHO.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia memerhatikan sebahagian gambar-gambar mengenai sejarah penerbangan awam di negara ini.

Jawatan Kosong di Kementerian Pertahanan

6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

P5F0003/85

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kelas A atau B yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembaikan Joint Boxes and Manholes, Excavation, backfill and re-termination laying of direct buried cable. Erect and earth D.P. & cabinet.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 3.00 petang pada hari Rabu 14 Oktober, 1987.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda "SENGKURONG - CABINET 1 KILANAS D.A. - P5F0003/85."

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan 2051, Negara Brunei

Darussalam dengan cagaran tawaran \$400.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya. Cagaran tawaran akan menjadi milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang temuramah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembaikan adalah satu syarat yang diwajibkan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 10.00 pagi, hari Sabtu 10 Oktober, 1987 di 'Old Kilanas Telephone Exchange'.

8. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan/pembaikan.

9. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau Cek Tempat beserta dengan bank guarantee ataupun penyesahan Bank.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

BIL : MINDEF/STB/
RC 88 (GRU)

MEMBEKAL : KONTRAK SELAMA DUA TAHUN BAGI MEMOTONG RUMPUT DAN MEMBERSIHKAN LONGKANG-LONGKANG DI PERKHEMAHAN SUNGAI AKAR.
Cagaran : \$150.00

Syarat-syarat Tawaran

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Oktober, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutarga Jabatan Arah, Kementerian Per-

tahanan, Bolkliah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutarga, Jabatan Arah Kewangan, Kementerian Perhubungan, Bolkliah Garison. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi tawaran seperti yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkliah Garison, 2049, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 20 Oktober, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutarga Jabatan Arah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutarga, Jabatan Arah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/
108/1987

MEMBEKAL :
AIRCRAFT INSURANCE
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/
109/1987

MEMBEKAL :
AEROQUIP SINGLE

TAWARAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN JABATAN TELEKOM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi the Supply, Delivery and Training of Multi Line Telephones.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, tidak lewat dari jam 3.00 petang, hari Rabu 14 Oktober, 1987. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang tersebut tidak akan diterima.

3. Pemborong - pemborong dikehendaki menghantar setiap contoh sistem yang ditawarkan dengan perbelanjaan pemborong sendiri kepada Pengarah Telekom, Rumah Telekom, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 30 hari selepas tarikh penutup tawaran ini.

4. Pemborong - pemborong juga dikehendaki menyediakan dan menunjukkan contoh sistem yang ditawarkan dengan perbelanjaan pemborong sendiri bagi persetujuan Pengarah Telekom atau wakilnya berkenaan dengan fungsi perjalanan sistem yang ditawarkan. Semua contoh-contoh akan dikembalikan kepada pemborong-pemborong yang tidak berjaya dengan perbelanjaan mereka.

5. Jika pemborong-pemborong gagal menghadapkan atau menyediakan contoh sistem yang ditawarkan dalam masa yang ditentukan, tawaran-tawaran dikira batal.

6. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda :—

TENDER FOR THE SUPPLY, DELIVERY AND TRAINING OF MULTI LINE TELEPHONES FOR JABATAN TELEKOM
TENDER REF NO :
JTB/OM/5/1987

tanpa menyatakan identiti pemborong.

Menjalankan jentera-jentera pertanian yang disediakan dan menjaga keselamatan jentera tersebut serta bersedia untuk keluar bertugas dan mengikuti kursus bila-bila masa dikehendaki.

8. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II

- (Bilangan Kod: 062 98-157)
- (Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

9. PEMANDU OUTBOARD

- (Bilangan Kod: 062 98-159)
- (Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN LAUT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. JL/20/87
Tawaran-tawaran akan diterima dari pembekal-pembekal enjin outboard bagi "MEMBEKAL DAN MEMASANG DUA ENJIN OUTBOARD 90 KUASA KUDA UNTUK OUTBOARD PELOMPONG" kepunyaan Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

- Penender-penender hendaklah menghadapkan semua butir-butir bagi enjin outboard dan lain-lain alat perkakas dan tambahan-tambahan dan lain-lain.

- Penender-penender hendaklah menyatakan harga, tempoh pembekalan, tempoh jaminan dan tempoh sah tawaran.

- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa tertutup dan ditulis dengan jelas pada bahagian atas sebelah kiri dengan "MEMBEKAL DAN MEMASANG DUA ENJIN OUTBOARD 90 KUASA KUDA UNTUK OUTBOARD PELOMPONG" dan dialamatkan kepada:

- Untuk tawaran harga, kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Perhubungan,
Tingkat Satu, Bangunan Sekretariat,
Bandar Seri Begawan 1150,
Negara Brunei Darussalam.

- Bagi contoh-contoh/katalog-katalog (jika ada) kepada:

Pengarah Laut,
Jabatan Laut,
Kementerian Perhubungan,
Bandar Seri Begawan 2053,
Negara Brunei Darussalam.

- Tawaran-tawaran akan diterima dialamatkan yang berkenaan tidak lewat dari 3.00 petang 23 September, 1987.

- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

10. PEMANDU MOTOR SANGKUT

- (Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan) (Bilangan Kod: 038 98-158)

Tanggagaji bagi Jawatan No. 8, 9 dan 10:—

Tanggagaji: F. 2-3-4 EB. 5 — \$495-\$700 sebulan

Kelayakan:

Kelayakan untuk Jawatan No. 8, 9 dan 10:—

- Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
- Mempunyai tubuh badan yang sihat, penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Mestilah pandai berenang.
- Berpengalaman sebagai pemandu Motor Sangkut sekurang-kurangnya dua tahun dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- Mengetahui selok-belok sungai-sungai di negara ini adalah merupakan satu kelebihan.
- Berpengalaman dalam memberikan bantuan kecemasan adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab di Jabatan

Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan:
Menjaga kebersihan, keselamatan dan pemeliharaan harian ke atas motor sangkut dan perahu.

11. MANDUR

- (Di Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan) (Bilangan Kod: 093 70-103)

- (Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan) (Bilangan Kod: 004 70-103)

Tanggagaji: F. 2-3-4 EB. 5 — \$495-\$700 sebulan.

Kelayakan:

- Berumur di antara 18 hingga 40 tahun.
- Lulus Darjah V atau yang sebanding dengannya.
- Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja mandur dan pengawasan buruh.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 26 Oktober, 1987.

Bilangan Pendaftaran: 94/1987

(E/44/73)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi the Supply and Delivery of Linesman Telephones Handsets.

- Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan 1150, tidak lewat dari jam 3.00 petang pada hari Rabu 21 Oktober, 1987.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang tersebut di atas tidak akan diterima.

- Pemborong - pemborong dikehendaki menghantar setiap contoh sistem yang ditawarkan dengan perbelanjaan pemborong sendiri kepada Pengarah Telekom, Rumah Telekom, Bandar Seri Begawan 2051, tidak lewat dari 14 hari selepas tarikh tutup tawaran ini.

- Pemborong - pemborong juga dikehendaki menyediakan dan menunjukkan contoh sistem yang ditawarkan dengan perbelanjaan pemborong sendiri bagi persetujuan Pengarah Telekom atau wakilnya berkenaan dengan fungsi perjalanan sistem yang ditawarkan. Semua contoh-contoh akan dikembalikan kepada pemborong-pemborong yang tidak berjaya dengan perbelanjaan mereka.

- Jika pemborong-pemborong gagal menghadapkan atau menyediakan contoh sistem yang ditawarkan dalam masa yang ditentukan, tawaran-tawaran akan dikira batal.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda:—

"TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF LINESMAN TELEPHONE HANDSETS FOR JABATAN TELEKOM".

TENDER REF: JTB/OM/3/1987

tanpa menyatakan identiti pemborong.

- Keterangan lanjut boleh didapati daripada Pejabat Pengarah Telekom, (Tingkat 1) Jalan Istana Darussalam Bandar Seri Begawan 2051, Negara Brunei Darussalam dengan wang cagaran berjumlah \$1,000.00 (dikembalikan) hendaklah dihantar ke alamat yang sama. Pembayaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau Cheque beserta dengan Bank Guarantee.

- Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

- TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

- (a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

- (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil

Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.

- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR KB 49 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" untuk:

PROJEK No.: 87AB/28900

MENEMBUK DAN MERATAKAN PADANG SEKOLAH RENDAH KERAJAAN RAMPAYOH DAERAH BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 26 September, 1987.

Tarikh tutup: 30 September, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR KB 50 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas B untuk:

PROJEK:—

CADANGAN R.C. SUMP DAN PAIP KALBET DRAINAGE OUTFALL NO.: 4 & 5 KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 September, 1987.

Tarikh tutup: 28 September, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

PEMBERITAHUAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PENOLONG PERSEMBAHAN RENDAH :

(Bilangan Kod : 009 17-615)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : D.1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Satu mata pelajaran di peringkat biasa Sijil Am Pelajaran.
- Mempunyai sijil menaip.
- Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.
- Berminat terhadap rancangan-rancangan Televisyen.
- Cergas dan cepat bertindak dalam keadaan yang tertentu.

ATAU

Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman (semasa gaji hari atau bayaran voucher) yang bersesuaian dengan kebolehan yang terbukti dalam tugas-tugasnya sekurang-kurangnya selama dua tahun boleh juga dipertimbangkan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Membantu pengawas MCR menyusun persembahan grafik dan slide, menaip susunan rancangan dan meneliti bahan dalam dalam cartridge. Mencatat waktu iklan perdagangan disiarkan dan lain-lain tugas seperti yang dikehendaki oleh Pengawas MCR.

2) PENYELENGGARA STOR TINGKAT II :

A) (Di Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan) (Bilangan Kod : 093 39-142).

B) (Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan) (Bilangan Kod : 059 39-142).

Tanggagaji : D. 2-3 EB. 4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- Empat mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

- Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.

- Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggara Stor dan Pembelian alat-alat akan diberi keutamaan.

- Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

3) PEMBANTU KESIHATAN :

(Bilangan Kod : 059 07-987)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji : D. 4 EB. 5 — \$1225-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 25 hingga 45 tahun.
- Mempunyai Diploma Merinyu Kesihatan Rendah atau yang sebanding dengannya.
- Mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja selepas memperoleh Diploma Merinyu Kesihatan.

BERIKUT ADALAH JAWATAN-JAWATAN KOSONG BAGI JABATAN PERTANIAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

4) A) PEMERIKSA TANAMAN :

(Bilangan Kod : 004 60-040)

B) PEMERIKSA LUAR PERTANIAN :

(Bilangan Kod : 004 60-017)

C) PEMERIKSA TERNAKAN :

(Bilangan Kod : 004 60-013)

Tanggagaji : D. 1-2 EB. 3-4 — \$530-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 18 hingga 28 tahun.
- i) Satu mata pelajaran sains dalam Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- Sijil Pertanian dari Pusat Latihan Pertanian Sinaut yang menjalani kursus selama dua tahun penuh masa atau sebanding dengannya adalah diutamakan.
- Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang boleh menguasai dua bahasa iaitu Melayu dan Inggeris.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Membantu dan menjalankan tugas-tugas Ketua Pengendali semasa ketiadaannya jika diarahkan.
- Menjalankan dan melaksanakan rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan bahagian, selaku pengendali, membuat catatan-catatan kemajuan rancangan dan menyediakan perbekalan dan keperluan tahunan bagi bahagiannya.
- Bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengendali atau Ketua Pengawas semasa ketiadaan Ketua Pengendali dan mengawasi semua pembantu-pembantu di bawah jagaannya.

5) PEGAWAI PERUSAHAAN KAMPUNG :

(Bilangan Kod : 004 60-043)

Tanggagaji : D. 1-2 EB. 3-4 — \$530-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- i) 1 (satu) mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta lulus dalam mata pelajaran sains dalam

Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- Sijil Pertanian dari Pusat Latihan Pertanian Sinaut yang menjalani kursus selama dua tahun atau sebanding dengannya.

- Boleh menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan keutamaan diberi kepada pemohon-pemohon wanita.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Membantu dan menjalankan tugas-tugas Ketua Pengendali semasa ketiadaannya jika diarahkan.
- Menjalankan dan melaksanakan rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan bahagian selaku pengendali, membuat catatan-catatan kemajuan rancangan dan menyediakan perbekalan dan keperluan tahunan bagi bahagiannya.
- Bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengendali atau Ketua Pengawas atas ketiadaannya Ketua Pengendali dan mengawasi semua pembantu-pembantu di bawah jagaannya.
- Pemohon yang berjaya akan diberi latihan asas dari masa ke semasa di Pusat Latihan Pertanian Sinaut

6) TUKANG KAYU : (Bilangan Kod : 004 95-413)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4 — \$900-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- Sijil City and Guilds dalam bidang pertukangan 'Carpentry and Joinery' atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- i) Berpengalaman praktikal selama lima tahun sebagai Tukang Kayu dan boleh membaca 'Construction Plan'.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Mempunyai laporan prestasi kerja yang baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Membaiki dan mengganti kerosakan alat-alat kelengkapan di asrama-asrama penuntut dan juga di Pusat Latihan Pertanian Sinaut membuat alat-alat perkakas yang bersangkutan di pusat tersebut.

- Memperbaiki bangunan-bangunan di ladang.

- Membina bangunan-bangunan di ladang dan membuat alat-alat dan kelengkapan-kelengkapan dari kayu yang digunakan di ladang dan bangunan-bangunan Pusat Latihan.

- Memberi latihan kepada pelatih-pelatih dalam bidang pertukangan kayu.

- Memberi tunjuk ajar dalam bidang pertukangan kayu kepada pelatih-pelatih lepasan Pusat Latihan yang menjalankan projek-projek pertanian di kawasan-kawasan penempatan mereka seperti Luahan.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 22 Oktober, 1987.

(E/947/74)

Bilangan Pendaftaran : 92/1987.

Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT I

(Bilangan Kod : 072 39-141)

(Di Jabatan Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : D. 4 EB. 5 — \$1225-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- i) TEC/BEC Diploma dalam "Purchasing and Supply" atau kelulusan dan bidang yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan.

ATAU

- Sedang dan telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Stor Tingkat II tidak kurang dari lima tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

- Mempunyai pengetahuan dan kebolehan dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan, Ilmu Hisab, Penyelenggaraan Stor atau pembelian alat-alat merupakan satu kelebihan.

2. PENYELENGGARA STOR TINGKAT II

(Bilangan Kod : 072 39-142)

(Di Jabatan Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : D. 2 EB. 3-4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- i) Empat mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

- Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama lima tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.

- Berpengetahuan dan pengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan Pembelian alat-alat akan diberi keutamaan.

- Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

3. PENGENDALI KOMPUTER

(Bilangan Kod : 097 34-221)

(Di Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran dan tiga mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.

ATAU

- Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta tiga tahun pengalaman di bidang yang berkaitan.

ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan lima tahun pengalaman di bidang yang berkaitan.

4. PEMERIKSA BANGUNAN

(Bilangan Kod : 067 55-153)

(Di Jabatan Bandaran Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji : D.1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- i) 1 (satu) mata pelajaran Sains atau Ilmu Hisab di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari tiga tahun dalam pekerjaan pemeliharaan bangunan serta mempunyai pengalaman khasnya dalam bidang pemeriksaan bangunan.

- Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan Ordinary National Diploma (OND)/TEC Diploma dalam bahagian bangunan atau sebanding dengannya.

- Hendaklah tahu dan mempunyai kebolehan dalam membaca peta bangunan serta boleh menyediakan laporan-laporan mengenai hal bangunan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Memeriksa dan melawat-melawat bangunan dalam kawasan bandaran dan sekitarnya.

- Meneliti/memahami plan bangunan serta memberi laporan hal bangunan yang didapati diubahsuai tanpa kebenaran/tidak mengikut plan yang telah diluluskan.

- Memberi laporan hal papantanda/trademark/poster yang dipasang tanpa kebenaran di bangunan perniagaan atau lain-lain tempat dalam kawasan bandaran untuk tindakan.

- Membuat taksiran cukai pintu bangunan (house assessment rate) baharu/lama atas arahan Ketua Jabatan sebelum dibawa mesyuarat bandaran.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 27 Oktober, 1987.

Bilangan Pendaftaran : 95/1987

(E/624/81)



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ceburilah Kerjaya Tentera Sebagai Pemimpin

NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK DI TANGAN AWDA



Sebagai Pegawai Bertauliah jangka tetap dan pendek di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di dalam jurusan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara bagi Lelaki dan Wanita.

Syarat-syaratnya :

BAGI BAKAL-BAKAL PEGAWAI LELAKI

- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Awang-awang mestilah lulus 4 (empat) mata pelajaran peringkat 'O' dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Mata Pelajaran Sains dan Fizik atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
- Berumur $17\frac{1}{2}$ tahun hingga 25 tahun pada 22 Oktober, 1987 dan mestilah masih bujang.
- Berat badan tidak kurang 47.25 kg atau 105 lb tinggi tidak kurang dari 1.54m atau 5 kaki 1 inci dan berbadan sihat.

Awang-awang dan Dayang-dayang mestilah terdiri dari salah satu puak seperti berikut :

- | | |
|------------|-----------|
| a. Brunei | e. Dusun |
| b. Belait | f. Murut |
| c. Tutong | g. Bisaya |
| d. Kedayan | |

Tarikh tutup permohonan pada 22 Oktober, 1987.

Syarat-syaratnya :

BAGI BAKAL-BAKAL PEGAWAI WANITA

- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Dayang-dayang mestilah lulus 4 (empat) mata pelajaran peringkat 'O' dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Mata Pelajaran Sains dan Fizik atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
- Berumur $17\frac{1}{2}$ tahun hingga 25 tahun pada 22 Oktober, 1987 dan mestilah masih bujang.
- Berat badan tidak kurang 44.10 kg atau 98 lb, tinggi tidak kurang dari 1.45m dan berbadan sihat.

Borang-borang permohonan dan penerangan lanjut boleh didapati daripada :

Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Kementerian Pertahanan
Bolkiah Garison 2049
Negara Brunei Darussalam

Borang-borang permohonan Awang-awang dan Dayang-dayang mestilah dihantar tidak lewat pada hari Khamis 22 Oktober, 1987.

BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI



Lagu kebangsaan negara
akhirnya berkumandang

PENCAK SILAT BAWA 'TUAH'

Gambar-gambar oleh:
Rabae Sabli dan
Pengiran Haji Yaakub

TAHUN 1987 telah mencatat satu sejarah apabila negara kita buat pertama kalinya memenangi pingat emas di Kejohanan Sukan SEA yang berlangsung di Jakarta baru-baru ini.

Setelah hampir 10 tahun berjuang barulah segala harapan yang diidamkan oleh bangsa dan Negara Brunei Darussalam 'terkabul'.

Atlit negara yang 'bertanggungjawab' mengharumkan negara ialah Zabidi Ali yang bertarung dalam acara olahraga pencak silat, acara baru yang dipertandingkan dalam Sukan SEA.

Dari olahraga pencak silat itulah, 'tuah' dapat dicipta dan dengan kemenangan itu lagu kebangsaan negara 'Allah Peliharakan Sultan' berkumandang memecah ruang Dewan Pusat Belia, Jakarta Timur pada tanggal 15 September, 1987.

Mengulas tentang kejayaan pingat emas itu Zabidi berkata kejayaan itu adalah kejayaan negara dan berharap di masa-masa akan datang nanti akan memperolehi kejayaan yang lebih baik lagi.

"Saya tidak dapat menggambarkan perasaan gembira di atas kejayaan tersebut malah, saya tidak dapat membayangkan akan dapat memperolehi pingat bernilai itu," ujarnya.

"Mujur juga tuah menyebelahi saya apabila lawan saya itu gagal memberikan tentangan hebat disebabkan kecederaan yang dialaminya sebelum bertemu dengan saya," ujarnya lagi.

WIRA NEGARA..... Barisan ahli-ahli sukan negara yang memperolehi pingat-pingat di temasya Sukan SEA ke-14 bergambar ramai dengan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



KETUA Kontinjen Negara Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali dengan diapit oleh pemenang pingat emas Zabidi Ali dan Pg. Sabri pemenang dua pingat perak sejurus turun dari Pesawat RBA.



TAHNIAH, Tahniah, Tahniah... Sebagai tanda penghormatan kepada kontinjen negara yang mencapai kejayaan gemilang di Indonesia (atas).


PEMENANG tunggal pingat emas, Zabidi Ali dialu-alukan oleh ibunya berserta dengan keluarga di Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas Isnin lalu (bawah).

RUSHIDI Abdullah pemenang pingat perak bersedia menghadapi tentangan dari pesilat Indonesia dalam pertemuan akhir (bawah kiri).

BERKEMUNDANGLAH lagu 'Allah Peliharakan Sultan' di Sukan SEA ke-14 apabila Zabidi Ali di tengah meraih pingat emas dalam acara olahraga pencak silat (bawah kanan).

Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN



'Physical readiness' harus dititikberatkan dalam latihan

TIMBALAN Menteri Pelajaran Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad Haji Jumat berkata, "mental dan 'physical readiness' harus dititikberatkan dalam latihan selain menitikberatkan aspek-aspek fizikal, latihan dan diet."

Berucap semasa merasmikan kursus asas jurulatih Badminton bagi guru-guru kegiatan luar Kementerian Pelajaran di Bilik Kuliah Stadium negara menyatakan pencapaian prestasi peserta-peserta negara dalam beberapa kejohanan sukan di luar negeri masih lagi diragukan.

"Setelah memikirkan bahawa peserta-peserta Negara Brunei Darussalam itu telah dipilih dengan baik dan setentunya mempunyai fizikal yang baik, diberi latihan dan diet yang teratur, maka timbul satu pertanyaan iaitu apakah mereka itu dari segi mental dan psikologikal benar-benar bersedia untuk menghadapi saingan-saingan mereka dari negara-negara ASEAN lainnya?" soalnya.

Beliau berpendapat, 'mental dan physical readiness' ini harus dititikberatkan dalam latihan pada masa yang akan



TIMBALAN Menteri Pelajaran, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ahmad ketika berucap merasmikan kursus asas jurulatih badminton bagi guru-guru kegiatan luar Kementerian Pelajaran. — Gambar oleh Harun Rashid.

datang dan seharusnya juga di dalam kursus-kursus dan seminar-seminar sukan dan olahraga peserta-peserta seminar atau kursus akan diberi tunjuk ajar bagaimana cara-cara untuk melatih dan membiasakan peserta-peserta supaya tidak gentar, bersemangat dan sentiasa bersedia untuk menempuh dan mematahkan.

Terdahulu dari itu beliau

menjelaskan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pelajaran bukan saja menitikberatkan dalam bidang-bidang pelajaran tetapi juga mempunyai dasar pelajaran yang baik, dan dasar-dasar ini masih diteliti dengan rapi untuk membantu dan

memupuskan kehendak-kehendak tenaga mahir bagi negara ini untuk masa ini dan masa depan.

"Kesedaran tentang pentingnya pendidikan di zaman yang penuh persaingan ini, dan lebih-lebih lagi kita terpaksa bersaing di semua lapangan disebabkan kedudukan negara ini yang sudah merdeka dan penuh berdaulat," jelasnya.

Kurang ko-ordinasi punca kegagalan

PENGARAH Kebajikan, Belia dan Sukan, Pg. Asmalee Pg. Ahmad menyatakan kurangnya 'ko-ordinasi dan tumpuan' terhadap pemain-pemain muda yang berbakat merupakan punca kegagalan untuk mencapai matlamat memupuk bakat pemain-pemain muda terutama pelajar-pelajar sekolah.

Katanya, "Ini adalah amat perlu memandangkan bahawa negara ini sememangnya mempunyai ramai pemain-pemain muda dan berbakat tetapi apa yang kurang ialah idea 'ko-ordinasi dan tumpuan' yang diberikan terhadap mereka."

Bagaimanapun menurutnya, 'ko-ordinasi dan tumpuan' itu juga tidak akan dapat diselenggarakan tanpa adanya tenaga juru-jurulatih dan tanggungjawab di sekolah-sekolah.

Berucap semasa menyampaikan ucapan alu-aluan di upacara kursus asas jurulatih badminton bagi guru-guru kegiatan luar di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Pg. Asmalee menyatakan langkah kursus diadakan bertujuan untuk memperbanyakkan juru-jurulatih yang berkebolehan bagi membim-

bing kanak-kanak yang berbakat selain mengkoordinasikan program-program yang dirancang.

"Nah, di sinilah cikgu-cikgu para kursus telah khusus dipilih untuk mengikuti klinik ini ke arah langkah utama kita bersama-sama memperbanyakkan juru-jurulatih badminton yang bertauliah dan profesional untuk diharap-harapkan ke arah membimbing kanak-kanak muda yang berbakat," kata Pg. Asmalee.

Kursus asas jurulatih badminton yang bermula pada 14 hingga 19 September lepas itu diselenggarakan oleh Jurulatih Badminton Kebangsaan, Awang Phua Ah Hua, Dr. Mohd. Noor dari Universiti Brunei Darussalam, dan Dr. Edward Jones, pakar sport medicine physician. Antara kursus itu termasuklah asas permainan badminton, teknik dan latihannya serta langkah-langkah rawatan terhadap pemain-pemain.

Seterusnya Pg. Asmalee berkata, melalui kursus tersebut para pelatih akan dapat berdamping rapat secara berterusan dengan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan kegiatan luar (ECA) dan perancangan-perancangan selanjutnya.

Karate Sumbangkan 2 perak 4 gangsa untuk negara

DENGAN mengutip dua butir pingat perak dan empat gangsa telah cukup meyakinkan betapa para ahli-sukan karate kita telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dan 'menggalakan'.

Walaupun baru kali pertama ahli sukan karate kita menyertainya, namun persembahan yang ditunjukkan di Sukan SEA ke-14 telah mengejutkan beberapa buah negara yang telah lama berkecimpung di arena sukan karate ini.

Para peminat sukan karate di Indonesia telah melahirkan kekaguman mereka di atas prestasi dan persembahan cemerlang yang ditunjukkan oleh ahli sukan karate negara.

"Kami merasa bangga dan kagum dengan corak persembahan yang diperlihatkan oleh ahli-ahli karate dari Negara Brunei Darussalam,"

ujar salah seorang peminat karate Indonesia.

Pengiran Sabri bin Pengiran Mohammad nyaris-nyaris mencipta 'emas' yang kedua bagi negara apabila beliau ditumpaskan oleh peserta dari Indonesia dengan kiraan mata 5-2 di perlawanan akhir. Pengiran Sabri memungut pingat perak.

Sebelum itu dalam acara berpasukan lelaki, negara memungut pingat perak setelah ditumbangkan oleh Indonesia di peringkat akhir. Dalam peringkat suku akhir kita menumpaskan Malaysia dan Republik Filipina di peringkat separuh akhir.

Tiga lagi pingat gangsa yang dipungut adalah melalui acara perseorangan lelaki.

Ahli sukan karate wanita kita pula berjaya mengutip pingat gangsa setelah menumpaskan Malaysia dalam bahagian berpasukan.



PINGAT perak dalam acara Karate berpasukan. Kelihatan barisan ahli Karate negara dikalungkan dengan pingat perak setelah gagal meraih pingat emas dalam pertemuan dengan Indonesia (atas).

BERAKSI salah seorang peserta Brunei Darussalam membuat serangan kepada lawannya dari Malaysia dalam acara Karate (bawah kiri).

BERSEDIA Aksi perlawanan tinju di antara peninju negara dengan peninju Thai. Peninju kita hanya mampu memungut pingat gangsa (kanan).

Lumba perahu 1 perak 3 gangsa

LUMBA perahu, satu acara sukan yang baru dipertandingkan di Sukan SEA ke-14 telah menyumbangkan kita satu butir pingat perak dan tiga gangsa.

Pekayuh-pekayuh negara telah berusaha sedaya upaya untuk mengutip pingat emas tetapi hasrat itu dihalang oleh tuan rumah Indonesia dan negeri Thai yang mempunyai

pekayuh-pekayuh yang lebih baik dan berkemampuan.

Pingat perak yang kita kutip menerusi acara 2,000 meter bagi 20 orang pekayuh dengan meninggalkan negeri Thai di tempat ketiga.

Tiga pingat gangsa yang lain dikutip menerusi acara 2,000 meter bagi 10 pekayuh, 500 meter bagi 20 orang pekayuh dan 10 pekayuh.

Tinju 6 gangsa dikutip

SUKAN tinju terus menerus menyumbangkan kita beberapa pungen pingat. Dalam Sukan SEA ke-14 di Jakarta, peninju-peninju kita telah berjaya membawa balik enam pingat gangsa.

Pungen pingat gangsa dalam acara ini telah meningkat jika dibandingkan dengan sukan SEA yang lalu. Di kota Bangkok kita hanya berjaya mengutip tiga pingat gangsa.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan surat lantikan kepada Tuan Hakim Raymond Arthur William Sears sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar. — Gambar oleh Harun Rashid.

Pendaftaran Haji 1988

JABATAN Urusan Haji dan Perhubungan Muslimin, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam memaklumkan kepada kaum muslimin dan muslimat negara ini yang berhasrat untuk menunaikan fardu Haji bagi musim Haji tahun 1988 (1408 Hijrah) bahawa borang-borang pendaftaran menunaikan fardu Haji bagi musim Haji tahun 1988 (1408 Hijrah) bolehlah diperolehi di Jabatan Urusan Haji dan Perhubungan Muslimin Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam atau di pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong mulai pada 21 September, 1987 pada waktu pejabat dibuka.

Mengenai dengan tarikh pendaftaran Haji akan diumumkan kemudian.

Makluman

BAHAGIAN Perdagangan dan Tuntutan Jabatan Telekom akan berpindah ke bangunan yang baru iaitu, Bangunan Kementerian Perhubungan, di Lapangan Terbang Lama, Berakas mulai dari 17 September, 1987, maka dengan yang demikian bahagian-bahagian tersebut akan ditutup pada 17 September, 1987 hingga 19 September, 1987.

Orang ramai yang berhajat untuk urusan dengan bahagian-bahagian itu bolehlah datang ke bangunan yang baru itu mulai dari 21 September, 1987.

P'jaya Mahkamah Besar yang baru dilantik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Tuan Hakim Raymond Arthur William Sears sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam bagi tempoh tiga tahun.

Istiadat tersebut telah berlangsung di hadapan majlis baginda di Istana Nurul Iman, 14 September lepas.

Surat lantikan tersebut dibacakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Grand Chamberlain.

Berangkat sama di istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dijunjung dan dialu-alukan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi BISTARI sejurus keberangkatan baginda ke majlis tersebut. — Gambar oleh Abdullah bin Awang Damit.

Keyakinan diri sendiri perlu

Dari muka 1

Seminar 'Grooming' yang antara lain bertujuan bagi membentuk sikap yang bermajlis di kalangan ahli-ahli BISTARI khususnya dan kaum wanita amnya di hari tersebut juga telah memperdengarkan sembah alu-aluan dari Yang Dipertua BISTARI, Yang Mulia Seri

Laila Pengiring Di-Raja Pengiran Datin Paduka Seri Laila Jasa Hajjah Zabaedah.

Seramai 45 orang peserta telah menghadiri seminar tersebut yang terdiri dari ahli-ahli BISTARI sendiri dan beberapa orang kaum wanita dari persatuan-persatuan dan juga orang perseorangan. Seminar 'Grooming' ini adalah merupakan kali kedua

dianjurkan oleh BISTARI.

Khusus bagi seminar tersebut, BISTARI telah mengundang Yang Amat Mulia Tunku Dara Naquiah bte Tengku Jaafar, Puan Amy Tan dan Puan Jenny L. Shahbudin dari Finishing School, Sdn. Bhd. Malaysia bagi membimbing seminar itu.

Seminar yang diadakan selama lima hari itu antara lain telah menentengahkan ke arah cara berpakaian, bercakap dalam majlis mengenai diri, mengatur meja dan lain-lain yang bersesuaian dengan keperluan dalam sesuatu majlis.

Belia berkelulusan tinggi diseru CEBURKAN DIRI DALAM PERSATUAN BELIA

Oleh: Abdul Karim Haji Abu Bakar

KERIAM. — Para belia yang berkelulusan tinggi di negara ini diseru menceburkan diri dalam pengurusan persatuan-persatuan belia di sekitar mereka.

Mereka bukan hanya semata-mata menjadi rakyat yang pandai dan memberi perkhidmatan kepada kerajaan tetapi juga adalah untuk memimpin masyarakat dengan memberi khidmat secara sukarela.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata pengetahuan dan pelajaran mereka adalah sangat berguna dalam pengurusan sesuatu organisasi terutama sekali dalam keadaan dunia yang sentiasa berubah.

"Pelaburan Kerajaan terhadap mereka bukan hanya semata-mata bagi mereka itu menjadi rakyat yang pandai dan memberi perkhidmatan kepada kerajaan selepas menamatkan pengajian tetapi juga adalah untuk memimpin masyarakatnya yang mana salah satu jalannya adalah dengan memberikan perkhidmatan sukarela dalam persatuan-persatuan di sekeliling mereka," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat berucap demikian ketika merasmikan sambutan Jubli Perak Persatuan Melayu Keriam

(PERKASA) pada 18 September lepas bertempat di Sekolah Rendah Keriam di sini.

Yang Berhormat dalam ucapannya menyangkal saranan kononnya aktiviti dan pergerakan persatuan untuk maju adalah terbatas kerana ketiadaan Dasar Belia Negara atau akta atau undang-undang yang dapat mengawal pergerakan belia dan seumpamanya.

"Saya menggunakan perkataan 'konon' kerana saya sendiri belum yakin tentang kebenaran kenyataan ini," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin menambah, analisa yang dibuat menunjukkan bahawa dalam keadaan sekarang amalan yang ada sekarang adalah masih baik dan dapat dipraktikkan. Walaupun begitu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang mempunyai garis panduan dalam usaha-usaha mengembangkan peraturan-persatuan belia di negara ini.

"Apa yang penting dewasa ini, saya berpendapat ialah konsentrasi patut ditumpukan kepada masalah yang dihadapi sekarang. Dalam erti kata lain kita jangan dahulu mengura-urakan perkara-perkara yang besar seperti dasar dan akta jika rumahtangga sendiri belum terurus dan matlamat serta perlembagaan persatuan belum dapat dipenuhi dan ditunaikan.

"Jika MBB dan kaum kerabatnya sudah sembuh dan kembali sihat walafiat, insya-Allah perkara-pekerja besar seperti itu akan kita sama-sama usahakan demi kepentingan masa depan dan anak cucu kita. Penumpuan fikiran yang 'constructive' dan 'rational' adalah perlu di kalangan pemimpin persatuan-persatuan belia kerana kita sama-sama tahu bahawa masih banyak ruang-ruang perlu dipertingkatkan dan diperbaiki," tegas Yang Berhormat Pehin.

Sebelum itu Yang Berhormat telah menggesa Majlis Belia Brunei (MBB) memainkan peranan memulihkan keadaan kebanyakan persatuan-persatuan belia yang 'hidup segan mati tak mahu'.

Kata Yang Berhormat, pengalaman, kaliber dan personaliti ahli-ahli MBB lebih dari mencukupi untuk 'beramu' sesama sendiri dalam mencari satu formula dan membuat ubat bagi penyakit yang dihadapi oleh kaum kerabatnya.

Bagaimanapun, ini bukan bererti Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengundurkan diri dari sama-sama bertanggungjawab dalam memperbaiki keadaan itu.

**Merosak kemudahan awam
amalan yang tidak bertanggungjawab**